



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.57 | SUBUH 5.07 | SYURUK 6.24 | DUHA 6.46 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.35 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.40

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 35

22 MAC 2025 / 1446 رمضان 21

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM MEMPERLIHATKAN KEPRIHATINAN BERTERUSAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini sekali lagi telah berkenan mengurniakan kurnia peribadi baginda kepada seramai 17,352 penerima di seluruh negara daripada golongan-golongan tertentu terdiri daripada Orang-orang Berkeperluan Khas, anak-anak yatim, orang fakir miskin, dan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan sempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Kurnia peribadi baginda ini adalah merupakan kali ke-16 ia diadakan bertujuan untuk membantu meringankan bebanan golongan-golongan yang tertentu di negara ini.

>> Muka 3



BERANGKAT bagi memulakan pengurniaan kurnia peribadi sebagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman (Lihat muka 3 hingga 4)

Hutan berperanan penting dalam kehidupan manusia

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. - Hutan merupakan salah satu sumber alam semula jadi yang sangat bernilai di muka bumi, bukan sahaja sebagai ekosistem yang kritikal tetapi juga sebagai penyumbang utama kepada kesejahteraan manusia dan kelangsungan hidupnya.

Hutan memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia dan alam sekitar, memberikan sumbangan yang besar kepada kelestarian ekosistem dan kesejahteraan hidup.

>> Muka 22

Rang Undang-undang (2025) Perbekalan, 2025/2026 diluluskan

Oleh: Nurhamiza Haji Roslan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. - Pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia



Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah telah membacakan Rang Undang-undang yang bergelar 'Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulanwang yang disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2025/2026 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu' untuk bacaan kali ketiga.

>> Muka 8

Persidangan MMN ditangguhkan setelah 14 hari bersidang

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. - Setelah bersidang selama 14 hari, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, di sini, Usul bagi Penangguhan di bawah Peraturan Mesyuarat 35(1) telah dikemukakan dan dicadangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Yussof.

>> Muka 8

MANISNYA IMAN ایمان

"Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku meluaskan kurnia rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkannya dan apa sahaja yang kamu belanjakan (untuk kebaikan) maka Allah akan menggantikannya dan Dialah sebaik-baik pemberi rezeki."

- Firman Allah Subhanahu Wata'alaa dalam Surah Saba', ayat 39



Berita Utama



MOFE teruskan bertadarus di Masjid Kampung Kilanas

Muka 18



Kongsi rezeki, keceriaan di bulan Ramadan

Muka 23



Raih ganjaran pahala di bulan Ramadan

Muka 27



PELITA Brunei hari ini menerbitkan Senarai Nama-Nama Amil 2025

Guru Al-Quran perlu lahirkan generasi pandai membaca, cemerlang Al-Quran

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa

Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa.

WAKTU SEMBAHYANG											
MAC MASIHI	HARI	RAMADAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
22	SABTU	21	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.35	6.31	7.40	
23	AHAD	22	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.34	6.31	7.40	
24	ISNIN	23	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.33	6.30	7.39	
25	SELASA	24	4.55	5.05	6.22	6.45	12.27	3.32	6.30	7.39	
26	RABU	25	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39	
27	KHAMIS	26	4.54	5.04	6.21	6.44	12.27	3.30	6.30	7.39	
28	JUMAAT	27	4.54	5.04	6.21	6.43	12.26	3.29	6.30	7.39	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan  31 °C 25 °C	 32 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
Pekan Bangar  31 °C 25 °C	 32 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
Pekan Tutong  31 °C 25 °C	 32 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
Kuala Belait  31 °C 25 °C	 32 °C 25 °C	 32 °C 25 °C
WallahuAlam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جا奔 قراغن، جا奔 فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین برحـد، نـکارابـونـی دـارـالـسـلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERSYUKUR kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya juga, dapatlah kita berkumpul memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran pada malam yang penuh berkat ini.

Tema sambutan Nuzul Al-Quran pada tahun ini berbunyi 'Akal Sihat Dengan Al-Quran'.

Pada hemat beta, tema ini menekankan betapa Al-Quran turut berfungsi untuk memelihara akal, diantaranya supaya akal itu sentiasa sihat. Akal adalah alat satu-satunya untuk menunjukkan kita jalan yang lurus lagi sempurna, dan akallah juga yang membezakan antara makhluk manusia dan lain-lain makhluk.

Tidak diragukan lagi, akal adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang amat besar kepada manusia. Dengan akallah kita dapat memahami dan melaksanakan segala ajaran-Nya.

Oleh itu, Al-Quran sangat menekankan betapa pentingnya memelihara akal. Dalam Al-Quran terdapat ayat yang melarang kita merosakkan akal, seperti melarang meminum minuman keras dan apa jua benda yang memabukkan. Orang mabuk ketika mabuk, akalnya adalah rosak. Termasuk juga yang dilarang itu ialah menyalahgunakan dadah yang juga dilihat sebagai pasti merosakkan akal.

Di kesempatan ini, beta ingin menyarankan kepada tenaga pengajar Al-Quran supaya terus mengukuhkan kemahiran masing-masing demi

memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran itu di kalangan para pelajar.

Tenaga pengajar Al-Quran mempunyai kedudukan yang tinggi di sisi ugama. Mereka dianggap sebagai sebaik-baik manusia, sebagaimana dalam hadis riwayat Al-Bukhari, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya : "Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari dan mengajar Al-Quran".

Hadir ini secara khusus menunjukkan betapa besarnya pahala bagi mereka yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran Al-Quran itu.

Oleh itu sangatlah diharapkan, supaya setiap pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan dengan Al-Quran, hendaknya dapat disampaikan dengan bersungguh-sungguh oleh para guru yang benar-benar berkelayakan yang memiliki semangat tinggi menghayati Al-Quran serta ilmu-ilmu di dalamnya.

Inilah harapan beta dan harapan negara ingin melihat guru-guru yang berkaliber, khasnya guru-guru Al-Quran yang mampu untuk melahirkan generasi cemerlang dalam bidang Al-Quran.

Kerajaan beta insyaAllah, akan tetap memberi keutamaan kepada bidang pengajian Al-Quran itu, selaras dengan tuntutan, supaya seluruh rakyat yang berugama Islam di negara ini pandai membaca Al-Quran.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SIDANG PENGARANG

22 MAC 2025

Raih ganjaran pahala sepuluh malam terakhir bulan Ramadan

KITA sekarang berada di 10 malam terakhir bulan Ramadan dan pada sepuluh malam terakhir inilah umat Islam perlu bersungguh-sungguh memperbanyakkan amal ibadah agar dapat bertemu dengan malam Lailatul Qadar iaitu malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Sepertimana diriwayatkan oleh Ibn Khuzaimah dari Sulaiman Radhiallah 'anhу katanya, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Wahai manusia sesungguhnya kamu akan dinaungi oleh satu bulan yang agung lagi penuh keberkatan iaitu bulan yang di dalamnya ada suatu malam yang lebih baik dari seribu bulan." Pada malam tersebut, Allah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan keberkatan, kerahmatan dan kemuliaan kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sepetimana disebutkan di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Qadr, ayat 1-5, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman : "Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada malam Al-Qadr; Dan apakah engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam Al-Qadr itu? Malam Al-Qadr itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, para malaikat dan Jibril turun dengan izin Tuhan mereka, untuk mengatur segala urusan. Sejahtera lah malam yang berkat itu hingga terbit fajar."

Sesungguhnya Malam Lailatul Qadar mempunyai keistimewaan yang sangat besar kerana malam itu menyaksikan turunnya Al-Quran dan pada malam itu juga malaikat turun ke dunia disertai oleh Jibril 'alaihissalam untuk memberikan penghormatan kepada orang-orang yang berpuasa dan menyaksikan amal ibadat mereka, serta untuk memberikan salam sejahtera kepada penduduk bumi. Pada malam istimewa ini juga Allah Subhanahu Wata'ala memberi balasan dan ganjaran yang istimewa bagi hamba-hamba-Nya yang taat dan ikhlas melaksanakan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadhan.

Walau pun kita tidak akan tahu bila malam Lailatul Qadar akan berlaku, yang pasti ialah ia akan berlaku pada malam-malam ganjal pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Pendapat yang paling kuat terjadinya malam Lailatul Qadar ialah berdasarkan hadis riwayat Imam al-Bukhari dari 'Aisyah Radhiallah 'anhа bahwasanya sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Carilah malam Lailatul Qadar di malam yang ganjal 10 hari terakhir bulan Ramadan." Adapun antara hikmah malam Lailatul Qadar ini dirahsiakan adalah bagi mendorong umat Islam supaya tekun dan besungguh-sungguh mencari Lailatul Qadar dengan memperbanyakkan amal ibadah dan amal kebajikan kerana mengharapkan keredaan-Nya di sepanjang bulan Ramadhan khususnya di 10 malam yang terakhir.

Untuk meraih ganjaran pahala serta keberkatan malam-malam terakhir bulan ramadan marilah kita sama-sama menyempurnakan ibadah wajib seperti puasa di siang hari dan solat fardu lima waktu dan memperbanyakkan amalan-amalan lain seperti membaca Al-Quran, berzikir, beristighfar, mendirikan solat Tarawih dan melakukan Qiyyamullail. - Ketua Penyuntingan - PB (Nr)

Kurnia peribadi Kebawah DYMM memperlihatkan keprihatinan berterusan



>> Muka 1

Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah /

2025 Masihi pada kali ini dimulakan dengan pengagihan kurnia peribadi oleh paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku wakil-wakil peribadi baginda secara serentak di keempat-empat daerah dan kemudiannya diikuti dengan

pengurniaan di beberapa pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan.

Berangkat bagi memulakan pengurniaan kurnia peribadi sebagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (atas dan kiri).

BERANGKAT bagi memulakan pengurniaan kurnia peribadi sebagai wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) di Istana Nurul Iman ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (atas dan kiri).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hasif Matzin, Dk. Nur Hafizah Pg. Osman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM).

>> Muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan menyempurnakan pengurniaan kurnia peribadi Kebawah DYMM kepada penerima (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, suasana sekitar majlis berkennaan.



BACAAN Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.



>> Muka 3

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Dewan Resepsi dijunjung oleh Menteri di JPM dan Menteri

Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Pada majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan mengurniakan kurnia peribadi Kebawah DYMM kepada seramai 1,000 penerima bagi DBM.

Sementara itu di ruang lain di Istana Nurul Iman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat selaku wakil peribadi Kebawah DYMM mengurniakan kurnia peribadi di Baitur Rahmah.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia dijunjung oleh



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan berkenan menyempurnakan pengurniaan kurnia peribadi kepada para penerima di Baitur Rahmah (atas dan kiri).

Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali. Pada majlis berkenaan, YTM berkenan mengurniakan kurnia peribadi Kebawah DYMM kepada seramai 1,000 penerima.

Pengurniaan kurnia peribadi Kebawah DYMM oleh paduka-paduka anakanda baginda di keempat-empat daerah pada hari ini menandakan bermulanya pengagihan kurnia-kurnia peribadi baginda dan diikuti kemudiannya dengan pengurniaan di pusat-pusat pengagihan yang telah ditetapkan.

Pengurniaan di pusat-pusat

pengagihan bermula dari 20 hingga 22 Mac iaitu Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam bagi DBM; Dewan Pusat Insani Seria bagi Daerah Belait dan Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong bagi Daerah Tutong.

Pengurniaan yang bermula hari ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan terhadap memeduli kesejahteraan dan hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini agar mereka tidak terkecuali dari mendapat perhatian berterusan baginda lebih-lebih lagi dalam suasana negara ini tidak lama lagi akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Selain itu, para penerima juga menerima buah tangan sebelum meninggalkan istana sebagai tanda prihatin baginda serta berkongsi kegembiraan bersama.



BACAAN Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat dipimpin oleh Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali (atas), sementara gambar kiri, bawah kiri dan bawah kanan, sebahagian penerima bagi DBM.



PEMEDULIAN, KEPRIHATINAN BAGI MEMASTIKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT



BERANGKAT selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Daerah Belait ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (atas dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad

BELAIT, Rabu, 19 Mac. - Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah /

2025 Masihi berlangsung hari ini di Dewan Pusat Insani, di sini.

Berangkat menyempurnakan pengurniaan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mu'izzaddin Waddaulah selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,



Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

Seterusnya, DYTM berkenan menyampaikan kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada 1,000 penerima dari

Daerah Belait. Jumlah keseluruhan penerima pada tahun ini adalah seramai 17,352 orang di seluruh negara daripada golongan-golongan tertentu terdiri daripada Orang-orang Berkeperluan Khas, anak-anak yatim, orang fakir miskin, dan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan.

Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini bertujuan bagi membantu meringankan beban golongan-golongan tertentu di negara ini malah pengurniaan ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan terhadap memeduli hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini agar mereka tidak tersisih daripada mendapat perhatian baginda dalam suasana negara tidak lama lagi akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada para penerima di Daerah Belait (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin. Sementara gambar bawah kiri, bawah tengah dan bawah kanan, suasana Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah DYMM yang berlangsung di Dewan Pusat Insani.



KURNIA PERIBADI BANTU RINGANKAN BEBANAN GOLONGAN TERENTU



BERANGKAT selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel (atas dan kanan).

TUTONG, Rabu, 19 Mac. - Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk membantu meringankan bebanan golongan-golongan tertentu di negara ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini sekali lagi telah berkenan mengurniakan kurnia peribadi baginda kepada seramai 17,352 penerima di seluruh negara

dari padua-paduka terdiri daripada Orang-orang Berkeperluan Khas, anak-anak yatim, orang fakir miskin, dan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Pengagihan kurnia peribadi pada kali ini adalah merupakan kali ke-16 ia diadakan dimulakan dengan pengagihan kurnia peribadi oleh paduka-paduka anakanda baginda selaku wakil-wakil peribadi baginda di keempat-empat buah daerah, diikuti dengan pengurniaan secara serentak di beberapa pusat pengagihan yang ditetapkan.

Bagi Daerah Tutong, berangkat selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyempurnakan Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, hari ini ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Dewan Utama, Kompleks Dewan

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Zul-Izzi
Haji Duraman



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada para penerima di Daerah Tutong (atas kanan dan atas kiri). Sementara gambar kanan, Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof. Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar majlis berkenaan yang berlangsung di di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.



DYMM di seluruh negara melalui pusat-pusat pengagihan yang ditetapkan, iaitu Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dan Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara; Dewan Pusat Insani Seria bagi Daerah Belait; Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan bagi Daerah Tutong; dan Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar bagi Daerah Temburong.

Pengurniaan yang bermula hari ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan terhadap memeduli hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini agar mereka tidak tersisih daripada mendapat perhatian baginda dalam suasana negara tidak lama lagi akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

KURNIA PERIBADI MANIFESTASI PEMEDULIAN RAJA PRIHATIN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Hernie Suliana Haji Othman



BERANGKAT selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyempurnakan penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Daerah Temburong ialah paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah (atas kiri dan atas kanan).

TEMBURONG, Rabu, 19 Mac. - Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang saban tahun dianugerahkan kepada golongan tertentu di seluruh negara diadakan hari ini dan tidak terkecuali juga bagi mereka di bumi Permata Hijau, di sini.

Penerima-penerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku wakil peribadi

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Temburong pada tahun ini dicatatkan seramai 805 orang terdiri daripada anak-anak yatim, Orang Kelainan Upaya dan Orang Berkeperluan Khas, asnaf fakir miskin dan juga penerima Bantuan Kebajikan Bulanan yang berdaftar.

Berangkat menyempurnakan penyerahan kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku wakil peribadi

baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah pada majlis berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Sejurus keberangkatan tiba,

Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi dimulakan dengan bacaan Ummul Kitab Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias.

Setelah penyerahan tersebut, para penerima akan ke ruang lain bagi proses penyerahan wang tunai daripada petugas-petugas yang diamanahkan. Terdahulu, para penerima memang sudah berada awal di lokasi untuk sesi

pendaftaran setelah mereka dimaklumkan dan dihubungi beberapa hari sebelum itu.

Selain kurnia peribadi, para penerima juga menerima buah tangan untuk mereka bawa pulang. Pengurniaan yang diselenggarakan hari ini merupakan edisi kali ke-16 yang sekian lamanya berlangsung demi kesejahteraan golongan yang memerlukan lebih-lebih lagi dalam menikmati lebaran Aidilfitri yang diraikan tidak lama lagi.

Pengurniaan ini jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berterusan terhadap memeduli hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini agar mereka tidak tersisih daripada mendapat perhatian baginda dalam suasana negara tidak lama lagi akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah berkenan menyempurnakan pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada para penerima di Daerah Temburong (atas dan kanan).

BACAAN Ummul Kitab Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.



SUASANA Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah DYMM di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Mukim Bangar (atas dan kiri).

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



RANG UNDANG-UNDANG (2025) PERBEKALAN, 2025/2026 DILULUSKAN

Oleh: Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hernie Suliana Haji Othman

>> Muka 1

Yang Berhormat menjelaskan Rang Undang-undang yang baharu saja dibacakan telah pun dipertimbangkan dan diteliti satu persatu dalam Persidangan Jawatankuasa dan telah dipersejui dengan tidak ada apa-apa pindaan dan mencadangkan agar ia diluluskan.

Setelah itu, Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib mempersilakan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong cadangan itu.

Cadangan itu disokong sepenuhnya oleh Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Setelah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, undi untuk cadangan diluluskan dibukakan dan semua Ahli Yang Berhormat bersetuju dan diumumkan Rang Undang-undang (2025) Perbekalan, 2025/2026 diluluskan.

Pada persidangan tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga mengemukakan usul memohon untuk mencadangkan bagi majlis itu mengikut Bab 4 (2) Akta Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) membuat

ketetapan iaitu perbelanjaan sebanyak BND480 juta untuk dibenarkan, diperuntukkan dan dipohonkan dari Kumpulanwang Kemajuan untuk maksud-maksud tersebut dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan 2025/2026.

Usul yang dikemukakan disokong sepenuhnya oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Setelah dipersejui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa undi dibukakan, usul bagi Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan (Penggal 136) diluluskan.

Persidangan diteruskan dengan pengemukaan Usul cadangan dari Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II bagi majlis

membuat ketetapan menurut Perkara 83 (7) Dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (NBD) 1959 bahawa tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah Perkara 83 (3) Dari Perlembagaan NBD adalah masing-masing mulai dari tarikh perintah-perintah dibuat untuk diluluskan.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II menjelaskan perkara ini adalah merujuk kepada lima perintah yang terdapat dalam Kertas MMN Bilangan 1/2025.

Usul yang telah dikemukakan disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan seterusnya dibukakan undi untuk meluluskannya.

Ahli-ahli Yang Berhormat semuanya bersetuju dan dengan undi Usul ketetapan bagi Perkara 83 (7) daripada Perlembagaan NBD 1959 bahawa tiap-tiap



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

perintah yang di bawah Perkara 83 (3) Dari Perlembagaan NBD adalah masing-masing mulai daripada tarikh-tarikh perintah-perintah dibuat telah diluluskan.

Persidangan MMN ditangguhkan setelah 14 hari bersidang

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II mencadangkan bahawa Mesyuarat MMN sekarang ditangguhkan memandangkan semua Urusan Mesyuarat telah selesai dan juga mencadangkan bagi MMN ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menyokong Usul itu ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Yang Di-Pertua MMN, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib kemudian mengumumkan Usul seperti yang dikemukakan telah dipersejui.

"Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya jua Persidangan MMN telah bersidang selama 14 hari dalam suasana hormat-menghormati, penuh harmoni dan aman," kata Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN juga berkata, persidangan pada tahun ini lebih bermakna kerana ia berlangsung

dalam bulan Ramadan, bulan yang penuh dengan keberkatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan dalam menjayakan persidangan.

Ucapan penghargaan juga saya tujuhkan kepada Jurutulis dan Urus Setia MMN termasuk semua kakitangan sokongan, pegawai-pegawai SkPPA serta interns, petugas laporan dan Pemberita Majlis yang telah bertungkus-lumus menyediakan penyata rasmi, petugas teknikal dan bangunan, Bentara Dewan, pembantunya serta Atendan

Dewan serta sokongan dari agensi-agensi dan jabatan-jabatan lain seperti media massa, paramedik, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Kerja Raya, keselamatan dan mungkin banyak lagi yang saya tidak dapat menyebutnya di sini. Semua mereka yang terlibat ini telah menjalankan tugas dengan penuh komitmen dan dedikasi.

Walaupun kebanyakan mereka ini mungkin tidak kelihatan kerana berada di belakang tabir, akan tetapi sumbangan mereka amat berharga dalam memastikan persidangan kita berjalan dengan lancar dan licin," ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 ini jelas Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, sebanyak 187 pertanyaan telah pun dikemukakan dan selesai dijawab dan Ahli-ahli MMN telah berbahas dengan panjang lebar, contohnya, dalam Peringkat Jawatankuasa, lebih dari 400 isu telah dibangkitkan dan Menteri-menteri yang telah memberikan ulasan atau respons yang mana kalau dikira Ahli-ahli Majlis telah berbincang dan berbahas selama lebih kurang 57 jam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN kemudian merujuk kepada beberapa petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu Istiadat Pembukaan

Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN baru-baru ini, untuk dijadikan sebagai asas dan sandaran bagi meneliti kerja yang dilaksanakan oleh MMN.

Antara petikan yang dikongsikan kata Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, ialah titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenaan perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis daripada satu kali setahun kepada dua kali setahun dan pengemasinan ke atas prosedur dan proses kerja menurut peraturan mesyuarat atau standing orders.

"Saya amat menghargai sokongan dan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyokong Pengukuasaan Peraturan Mesyuarat termasuk menepati had-had masa yang telah ditetapkan."

Ada yang laju bercakap seperti berlari sehingga tidak tertarik nafas, tetapi setelah terbiasa, Ahli Yang Berhormat nampaknya telah dapat membiasakan diri dan bercakap dengan tenang dan teratur.

Saya juga telah menyaksikan perubahan dari segi fokus yang ditujukan oleh semua Ahli Yang Berhormat.

"Ini adalah peranan peraturan mesyuarat untuk membantu Ahli-ahli MMN melaksanakan kerja dengan lebih baik dan melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan berhemah," ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.



SEBAHAGIAN daripada Ahli-ahli MMN yang hadir pada hari ke-14 Musim Permesyuaratan Ke-21.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



BERSEDIA MENGHADAPI KEADAAN KETIDAKPASTIAN MASA DEPAN

Oleh: Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. — Adalah harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) untuk membahaskan perkara-perkara utama termasuk memberikan maklum balas terhadap setiap dasar kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Perkara tersebut antara yang dikemukakan oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, setelah persidangan dipersetujui untuk ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

"Jika saya renung balik persidangan yang telah bahu kita jalankan, saya berpendapat bahawa perbahasan dan ulasan

yang terbaik adalah ringkas, padat tetapi apa orang Brunei katakan, berisi.

Kualiti perbahasan yang tinggi berdasarkan fakta setentunya akan mampu melahirkan idea atau pandangan alternatif terhadap dasar yang dikemukakan oleh pihak kerajaan.

MMN harus menjadi medan perbahasan yang hebat dengan penghujahan luar biasa berpaksikan kepada fakta dan saya ingin menyeru agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan sentiasa mendalamai isu dan menyemak ketetapan maklumat bagi mengelak dewan mulia ini digunakan bagi tujuan mengelirukan fakta ataupun meragui kredibiliti mana-mana pihak," kata Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN seterusnya menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan keperluan bagi menggubal Kod Etika bagi membantu melaksanakan tugas dan lebih berkesan dan berintegriti tinggi bagi mencerminkan kematangan dan profesionalisme.

Ahli-ahli MMN jelas

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN, adalah menggalas tanggungjawab besar dan ke arah itu, etika, Kod Etika yang akan mula digubal akan menggariskan tatatertib yang terperinci mengenai kelakuan dan *conduct* Ahli-ahli Yang Berhormat semasa di dalam dan di luar dewan, sebagaimana yang dilaksanakan di beberapa negara yang maju.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN seterusnya berkata, adalah menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai peringatan bahawa perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi daripada semua pihak.

"Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan MMN diadakan pada masa dan detik yang penting. Dunia sudah beralih, ketidakpastian adalah tinggi, ketegangan geopolitik meningkat, ekonomi sedang dibentuk semula, kuasa-kuasa baharu dan masa depan lebih tidak menentu berbanding dengan keadaan sebelumnya.

Seperti setiap negara lain, termasuk Negara Brunei Darussalam, kita perlu bersedia menghadapi keadaan ketidakpastian masa depan kita ini.

Pelbagai perkara yang telah dibincangkan di dalam dewan yang mulia ini, merangkumi ekonomi, pendidikan, kesihatan,

YANG Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

keselamatan dan pelbagai isu kehidupan yang memberi kesan kepada kehidupan harian rakyat, termasuklah golongan yang memerlukan lebih perhatian seperti kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya," ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN.

Berhadapan dengan isu dan cabaran, Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN menjelaskan ia memerlukan kita untuk bertindak dengan berani dan tidaklah menjalankan cara atau rutin biasa kerana ekspektasi rakyat terhadap kerajaan amatlah tinggi. Semakin banyak kemajuan yang dicapai oleh negara maka *demand* daripada pihak berkepentingan juga akan semakin meningkat, seiring dengan pembangunan negara. Dunia persekitaran sentiasa berevolusi dan tidak statik serta setiap hari ada perkara baru yang timbul.

"Justeru itu, saya berharap pihak kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan sentiasa bekerjasama bagi menyempurnakan amanah kepada rakyat ini. Kita mencari jalan terbaik dengan lebih gigih untuk memastikan negara kita ini boleh mengemudi ketidakpastian dengan jelas dan berani.

Saya percaya, bahawa sentiasa ada ruang untuk menambahbaikkan dan untuk



terus maju dan dengan menepati matlamat KPI yang lebih jelas. InsyaAllah, kita pasti akan berjaya. Ini memerlukan semua pihak untuk mempunyai fokus dan hala tuju tinggi dan mencabar pertukaran minda dari *business as usual* kepada *out of the box*.

Saya percaya setiap langkah ke hadapan perlulah dengan semangat dan kerja keras serta rasa bertanggungjawab bersama dan menyeru semua pihak termasuk Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan dan Ahli-ahli Yang Dilantik dan dirinya sendiri untuk bergerak ke hadapan dengan yakin, keazaman, komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk sentiasa melakukan yang terbaik untuk Negara Brunei Darussalam. Itulah sebenarnya asas utama yang kita gelarkan tindakan Whole of Nation," ujar Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN lagi.

MPABD rangka pelan memperkembangkan sektor marin

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hernie Suliana Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Sektor marin merupakan salah satu penyumbang penting kepada hasil kerajaan melalui pertumbuhan industri hiliran serta peningkatan trafik kapal yang keluar masuk ke perairan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato

Paduka Haji Mustapha, semasa menjawab soalan-soalan pada persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Pihak Berkua Maritim Dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) telah pun

merangka pelan pembangunan untuk terus memperkembangkan sektor marin. Ini termasuk peluang pembangunan bakat tempatan serta penyediaan peluang pekerjaan yang boleh ditawarkan oleh sektor berkenaan.

Tambah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi, usaha-usaha tersebut telah dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif, antaranya semasa Brunei Darussalam Marine Week yang diadakan pada tahun lalu.

"InsyaAllah, sebarang perkembangan dan inisiatif

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.



terbaru berhubung dengan sektor marin akan terus dikongsikan dari semasa ke semasa," ujar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga menjelaskan mengenai strategi kerajaan dalam meningkatkan hasil negara, antaranya melalui inisiatif penjualan nombor pendaftaran khas kendaraan menggunakan sistem Click and Bid yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD).

"Sebagai contoh, dalam proses Click and Bid bagi nombor pendaftaran TPK satu dan dua angka yang diadakan selama dua minggu pada penghujung tahun lepas, sebanyak 500 nombor telah ditawarkan dan lebih daripada 300 nombor telah berjaya dibida. Ini telah menjana hampir BND2 juta kepada hasil kerajaan," jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, kementerian akan terus meneliti dan mempertimbangkan peluang-peluang seumpamanya bagi memperkuuhkan lagi pendapatan negara.

"Sebagai contoh, dalam proses Click and Bid bagi nombor pendaftaran TPK satu dan dua angka yang diadakan selama dua minggu pada penghujung tahun lepas, sebanyak 500 nombor telah ditawarkan dan lebih daripada 300 nombor telah berjaya dibida. Ini telah menjana hampir BND2 juta kepada hasil kerajaan."

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN TELITI SISTEM PENJEJAKAN DIGITAL

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Kementerian Pembangunan akan meneliti cadangan bagi pelaksanaan Sistem Penjejakkan Digital permohonan perumahan awam

yang berpotensi dalam memberikan pelbagai manfaat.

Antara manfaat sistem tersebut adalah peningkatan ketelusan proses permohonan dan pemohon dapat menyemak status

permohonan mereka pada bila-bila masa secara *online*.

Sistem berkenaan juga akan meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerana pemohon tidak perlu lagi berulang-alik ke kaunter Jabatan Kemajuan Perumahan (JKP) bagi mendapatkan status terkini.

Menteri Pembangunan, Yang

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.



Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid berkata demikian semasa mengulas soalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee pada persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Pada masa ini, jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan, pihak kementerian melalui JKP hanya menyediakan kemudahan sistem dalam talian bagi urusan pembayaran sahaja iaitu melalui common billing system.

"Proses lain berkaitan permohonan perumahan awam termasuk penyemakan status

permohonan dan mendapatkan sebarang maklumat yang dikemas kini masih dilakukan secara fizikal. Kaunter bahagian pengurusan permohonan di JKP dibuka kepada para pemohon untuk menyemak status permohonan atau mengemas kini maklumat mereka," kata Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

JPBD kenal pasti beberapa pusat pertumbuhan luar bandar



SUASANA di dalam Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Perancangan dan pertimbangan bagi cadangan membina Skim Perumahan Negara Luar Bandar yang berskala kecil perlu diteliti dan dibuat kajian lanjut terlebih dahulu bagi memastikan sambutan dan keberkesanan projek sebagai sebuah penempatan serta kehidupan yang selesa bagi bakal penduduk.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, ketika menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdulla @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat, mengenai perancangan kementerian untuk membina Skim Perumahan Negara Luar Bandar yang berskala kecil.

Pada masa ini, jelas Yang

Berhormat Menteri Pembangunan, pihak kementerian memberi tumpuan terhadap pembangunan perumahan di kawasan yang sudah mempunyai atau berdekatan kemudahan asas sedia ada seperti sekolah, kawasan komersil dan kemudahan-kemudahan awam yang lain.

Dalam hubungan ini, beberapa pusat pertumbuhan luar bandar telah dikenal pasti oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) sebagai tapak yang boleh difikirkan untuk melaksanakan skim berkenaan secara lebih terancang antaranya Pusat Pertumbuhan Kampung Sungai Mau di Daerah Belait.

"Ada tapak yang sudah difokuskan untuk tujuan ini jika ia mendapat pertimbangan dan kelulusan nanti dan juga Pusat Pertumbuhan Kampung Labi, di Daerah Tutong, Pusat

Pertumbuhan Lamunin Menengah di antara kawasan yang difokuskan untuk tujuan ini dan juga selain itu ada kawasan Sungai Supon Besar di Tutong. Perancangan pembinaan perumahan di pusat-pusat pertumbuhan ini adalah antara usaha kementerian supaya mukim luar bandar mempunyai penempatannya yang terancang.

Melalui penempatan yang terfokus di kawasan-kawasan tersebut, penduduk kampung dapat terus kekal di mukim asal mereka dalam persekitaran lingkungan sosial dan keluarga dan mempunyai kemudahan asas yang mencukupi," ujar Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Jelas Yang Berhormat Menteri Pembangunan, ia juga tertakluk kepada beberapa pertimbangan penting selain kajian lanjut yang perlu dibuat termasuk sambutan para pemohon bagi penempatan berkenaan.

"Ada tapak yang sudah difokuskan untuk tujuan ini jika ia mendapat pertimbangan dan kelulusan nanti dan juga Pusat Pertumbuhan Lamunin Menengah di antara kawasan yang difokuskan untuk tujuan ini dan juga selain itu ada kawasan Sungai Supon Besar di Tutong. Perancangan pembinaan perumahan di pusat-pusat pertumbuhan ini adalah antara usaha kementerian supaya mukim luar bandar mempunyai penempatan yang terancang. Melalui penempatan yang terfokus di kawasan-kawasan tersebut, penduduk kampung dapat terus kekal di mukim asal mereka dalam persekitaran lingkungan sosial dan keluarga dan mempunyai kemudahan asas yang mencukupi."

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



JUMLAH PENERIMA PENCEN UMUR TUA MENINGKAT 45 PERATUS



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyatakan perkara itu semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok, mengenai kaedah pembayaran Pencen Umur Tua.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berkata, pihak kementerian telah menjalankan kaji selidik tatacara pembayaran Pencen Umur Tua pada 25 Oktober 2022.

Hasil kajian mendapati bahawa sebanyak 72 peratus iaitu 782 orang penerima daripada 1,088 responden kepada kaji selidik berkenaan, lebih cenderung untuk menerima pembayaran secara tunai di rumah ketua kampung dan bukannya melalui bank.

Antara cabaran utama yang dikenal pasti, jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, adalah

kesukaran akses kepada bank akibat ketiadaan kenderaan atau kesukaran mendapatkan tempat letak kereta.

Cabaran seterusnya adalah tidak mempunyai akaun bank atau kekurangan wang pendahuluan iaitu deposit atau jumlah minimum yang diperlukan untuk membuka akaun.

Selain itu, penerima lebih selesa menerima bayaran di rumah ketua kampung kerana dapat berinteraksi dengan rakan-rakan sebaya, di samping masalah kesihatan termasuk faktor usia dan keadaan fizikal yang membataskan pergerakan penerima.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menambah, terdapat juga penerima kurang celik digital terutama dalam penggunaan perkhidmatan perbankan dan transaksi dalam talian.

Di samping itu, kaedah pembayaran melalui ketua kampung memberikan manfaat tambahan. Penghulu dan Ketua Kampung dapat memantau kemaslahatan anak buah kampung mereka.

Jelas Yang Berhormat Menteri

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hernie Suliana Haji Othman

Kebudayaan, Belia dan Sukan, pihak kerajaan memahami cabaran yang dihadapi oleh warga emas dalam beralih kepada sistem pembayaran digital dan setentunya akan

memastikan pendekatan secara inklusif serta langkah-langkah sokongan yang bersesuaian dilaksanakan sebelum sebarang perubahan dibuat.

"HASIL kajian mendapati bahawa sebanyak 72 peratus iaitu 782 orang penerima daripada 1,088 responden kepada kaji selidik berkenaan, lebih cenderung untuk menerima pembayaran secara tunai di rumah ketua kampung dan bukannya melalui bank. Antara cabaran utama yang dikenal pasti, jelas Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, adalah kesukaran akses kepada bank akibat ketiadaan kenderaan atau kesukaran mendapatkan tempat letak kereta."

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 20 Mac. - Jumlah penerima Pencen Umur Tua yang menerima pembayaran melalui bank meningkat kepada 19,907 orang atau 45 peratus daripada jumlah keseluruhan 44,405 penerima setakat Februari 2025, berbanding 10 peratus pada tahun 2020 semasa kaedah pembayaran tersebut diperkenalkan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri

Terus berusaha ke arah Pendigitalan Perkhidmatan Pengangkutan Darat

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hernie Suliana Othman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha pada persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, menjelaskan usaha-usaha kementerian dalam meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan darat.

Mengulas mengenai isu kelewatan dalam pemprosesan lesen memandu seperti yang

dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menjelaskan bahawa kelewatan tersebut adalah berikutan sistem sedia ada di Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) yang kini dalam proses penaiktarafan. Sistem itu akan digantikan dengan sistem baru melalui Projek DriveBN di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12).

Projek DriveBN, jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi, adalah inisiatif Pendigitalan Perkhidmatan Pengangkutan Darat yang melibatkan penggunaan lesen memandu digital dan Digital ID. Melalui projek ini, permohonan perkhidmatan pengangkutan darat akan menjadi lebih mudah, pantas dan mesra pengguna. Selain daripada sistem teknologi

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

baharu, projek ini turut mengambil pendekatan Business Process Improvement yang bertujuan mengemas kini proses kerja JPD agar lebih mesra pelanggan dan efisien.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut menjelaskan mengenai pengiktirafan lesen memandu Kelas 3 Negara Brunei Darussalam yang sah digunakan di negara-negara ASEAN, di bawah 1985 Agreement on the Recognition of Domestic Driving License issued by ASEAN Countries. Walau bagaimanapun, pemegang lesen juga disarankan untuk mendapatkan International



Driving Permit (IDP) jika ingin memandu di negara-negara yang telah menyertai Convention on Road Traffic 1949, bagi memastikan perjalanan mereka mematuhi undang-undang negara yang dilawati.

Dalam ucapan tersebut, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut menasihatkan agar pemandu tempatan sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas termasuk had kelajuan serta keperluan insurans semasa memandu di luar negara.



SEBAHAGIAN daripada yang menghadiri persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini. (kiri)

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 20 Mac. - Menteri Pengangkutan dan

"WALAU bagaimanapun, pemegang lesen juga disarankan untuk mendapatkan International Driving Permit (IDP) jika ingin memandu di negara-negara yang telah menyertai Convention on Road Traffic 1949, bagi memastikan perjalanan mereka mematuhi undang-undang negara yang dilawati."

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERKUKUHKAN ASAS PERUNDANGAN, KESELAMATAN DATA DALAM PERNIAGAAN DIGITAL

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hernie Suliana Othman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 20 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) terus memperkuatkannya asas perundangan dan keselamatan data dalam perniagaan digital.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, pada persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, menyatakan bahawa Electronic Transactions

Act, Chapter 196, yang berkuat kuasa sejak 1 Januari 2008, menyediakan asas undang-undang bagi transaksi elektronik dan tandatangan digital di negara ini.

Akta tersebut, jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi adalah selaras dengan piawaian antarabangsa, termasuk Model Law on Electronic Commerce oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang memberikan jaminan keselamatan dalam transaksi digital serta memudahkan perdagangan elektronik di peringkat

antarabangsa.

Sehubungan itu, pihak kementerian akan sentiasa meneliti dan mengemas kini akta berkenaan agar terus relevan dengan kemajuan teknologi semasa, seterusnya menyokong perkembangan ekosistem digital negara secara menyeluruh, tambah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut memaklumkan bahawa Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025 (Personal Data Protection Order 2025) telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum

YANG Berhormat Pengangkutan
Infokomunikasi.
Menteri dan

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 8 Januari 2025. Perintah ini telah diwartakan dan dijangka berkuat kuasa sepenuhnya pada 1 Januari 2026, insyaaAllah.

Perintah ini bertujuan melindungi hak dan privasi data peribadi rakyat dan penduduk negara ini, sekali gus menyokong keyakinan pengguna dalam



urusan digital, perbankan atas talian serta perniagaan e-dagang di NBD, tambah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi.

Fasa percubaan Digital ID libatkan pelbagai pihak akan dilaksanakan



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini (kiri dan bawah)

Partnership (PPP) bersama syarikat berkaitan kerajaan, ujar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Langkah awal ini bertujuan meningkatkan keupayaan sektor kargo negara, sekali gus membuka peluang pelaburan baharu dalam industri logistik dan penerbangan, tambah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi seterusnya mengongsikan bahawa perancangan ke arah *airport corporatization* sepenuhnya akan diteruskan secara berperingkat di masa akan datang.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 20 Mac. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) akan terus memperkuatkannya agenda transformasi digital negara melalui pelaksanaan projek Digital ID.

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha pada persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menjelaskan bahawa fasa percubaan projek Digital ID akan dilaksanakan selama enam bulan, melibatkan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Fasa berkenaan, terang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, bertujuan untuk memastikan keberkesanan sistem sebelum dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada pelan strategik Smart Nation Office, bagi memperluaskan lagi penggunaan perkhidmatan digital di Negara

Brunei Darussalam.

Dalam perkembangan lain,

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan

Infokomunikasi turut menyentuh mengenai rancangan *airport corporatization* di bawah pelan strategik jangka panjang kementerian.

Dalam peringkat awal, pembangunan akan difokuskan kepada kawasan kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei melalui kerjasama Public-Private



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMANTAPKAN PENGURUSAN KESELAMATAN JALAN RAYA, PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN AWAM NEGARA



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi.

berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menjelaskan bahawa meskipun pemantauan telah dibuat, bukti yang kukuh bagi menunjukkan punca utama kemalangan jalan raya akibat penggunaan telefon bimbit masih belum diperoleh. Walau bagaimanapun, usaha pencegahan terus dijalankan, termasuk penggunaan rakaman CCTV, meskipun sehingga kini belum ada dakwaan yang dikemukakan melalui kaedah tersebut.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi, aspek yang lebih merunsingkan pada masa ini ialah pengurusan kelajuan (*speed management*), yang dikenal pasti

mendapat perhatian Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi melalui Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR).

Perkara ini dijelaskan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, pada persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hernie Suliana Othman

sebagai punca utama kemalangan jalan raya di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, penekanan utama MKKJR adalah kepada penguatkuasaan dan pemantauan terhadap had kelajuan kenderaan bagi mengurangkan risiko kemalangan.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut menjelaskan mengenai perancangan pembangunan perkhidmatan e-hailing negara.

Dalam usaha memperkembangkan perkhidmatan DART dan meningkatkan sistem pengangkutan awam, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi seterusnya

menerangkan pihak kementerian telah merancang untuk mewujudkan satu platform *e-hailing* yang akan digunakan secara meluas oleh penyedia perkhidmatan teksi dan pihak-pihak berkepentingan lain. Ini selaras dengan projek Smart Transport System yang sedang diusahakan pada masa ini.

Sebagai langkah permulaan, pihak kementerian sedang berunding bagi memperluaskan lagi perkhidmatan DART khususnya di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyatakan keyakinan bahawa inisiatif ini akan dapat direalisasikan dalam masa terdekat, insyaAllah.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 20 Mac. - Penggunaan telefon bimbit semasa memandu kenderaan adalah antara isu yang

Proaktif memantau, mengatasi aktiviti *scam*



SEKITAR persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

dapat dilakukan lagi, termasuk dalam merangka dasar-dasar berkaitan.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi kemudiannya menjelaskan bahawa penggunaan AI perlu disesuaikan dengan keadaan dan keperluan tempatan, dan tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada platform AI generik. Justeru, adalah penting untuk melatih AI tersebut agar dapat memahami konteks NBD secara khusus.

Dalam menjawab soalan mengenai penggunaan open source, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi memaklumkan bahawa perkara tersebut kini sedang diteliti oleh pihak E-Government National Centre (EGNC).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi turut menjelaskan bahawa penggunaan open source mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri, dan kajian lanjut sedang dilaksanakan bagi menilai keberkesanannya di peringkat kerajaan.

Usaha-usaha berkenaan, jelas Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, adalah antara langkah berterusan kerajaan dalam memperkuh infrastruktur keselamatan siber negara dan mengadaptasi teknologi terkini dalam ekosistem digital NBD.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 20 Mac. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber terus berusaha memperkuhkan kawalan keselamatan digital negara, termasuklah dalam menangani isu-isu berkaitan penipuan siber atau *scam*.

Dalam menjawab soalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee pada persidangan hari ke-14 Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, di sini, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, mengongsikan perkembangan berhubung perkara berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyatakan bahawa Jawatankuasa Kebangsaan Keselamatan Siber telah pun membuat lawatan kerja ke Singapura pada penghujung tahun lepas bagi melihat dengan lebih dekat penubuhan dan operasi Scam Centre di negara

tersebut.

Melalui lawatan berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menjelaskan pelbagai rekomendasi telah diperoleh yang kini dalam peringkat perbincangan untuk pelaksanaannya di NBD, insyaAllah.

Salah satu perkara yang diambil perhatian hasil lawatan tersebut ialah ke arah penerapan sistem *fraud intelligence* di negara ini, bagi membantu mengatasi dan memantau aktiviti-aktiviti *scam* secara lebih proaktif. Ini adalah selaras dengan usaha kerajaan

untuk memastikan rakyat dan penduduk negara ini lebih terlindung daripada ancaman penipuan siber, terang Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi lagi.

Di samping itu, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi juga menekankan mengenai penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) khususnya dalam pembangunan dasar kerajaan.

Menurut Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, penggunaan AI dalam operasi sehari-hari agensi-agensi kerajaan tidak

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



'JOB-HOPPING' KERAP BERLAKU SEIRING PERKEMBANGAN, DIVERSIFIKASI EKONOMI NEGARA

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas,
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Mewujudkan suasana kerja yang lebih baik, menawarkan gaji, eluan serta faedah yang lebih kompetitif; dan menghargai sumbangan pekerja masing-masing merupakan antara langkah yang telah dilaksanakan oleh syarikat swasta dalam menangani isu pusing ganti buruh atau *labour turnover*.

Langkah tersebut sangat dialu-alukan bagi menarik dan mengekalkan anak-anak tempatan di sesebuah pekerjaan



memandangkan perkara berkenaan bukanlah untuk ditangani oleh pihak kerajaan sahaja tetapi memerlukan usaha sama daripada kesemua pihak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah mengongsikan perkara itu bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai langkah pihak Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) serta pihak berkepentingan untuk menangani *labour turnover* yang tinggi di sektor swasta, semasa Persidangan MMN hari ke-14 di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berkata, isu *labour turnover* sememangnya lumrah di dalam pasaran kerja yang dinamik dan kompetitif, sama ada di negara lain maupun di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Pekerja wajar akan bertukar tempat kerja jika ditawarkan kemudahan dan faedah (*benefits*) yang lebih menarik, tempat kerja yang lebih kondusif dan sebagainya. Walau bagaimanapun, *labour turnover* mungkin memberi cabaran tertentu kepada operasi perniagaan para syarikat di sektor swasta," ujar Yang Berhormat.

Pada tahun 2024, Jabatan Perdana Menteri melalui MPEC telah mengendalikan satu kajian Employer-Based Survey (EBS) yang bertujuan untuk mengetahui pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh para majikan di sektor swasta dengan pengambilan pekerja baharu dan *local employee retention*.

Lebih 500 buah syarikat telah memberi maklum balas, di mana lebih 60 peratus majikan menghadapi cabaran dalam mengekalkan pekerja tempatan (*local employee retention*).

"Mereka menyuarakan bahawa pekerja tempatan lazimnya beralih

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

kepada pekerjaan baharu disebabkan oleh peluang pekerjaan yang ditawarkan adalah lebih baik, sama ada daripada segi gaji maupun peluang perkembangan kerjaya," kata Yang Berhormat.

Hasil dapatan adalah serupa dengan kaji selidik sebab-sebab berpindah kerja atau *job-hopping* dalam kalangan pencari kerja.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga mengongsikan beberapa kemungkinan alasan positif berlakunya *job-hopping* iaitu apabila pekerja berkeinginan untuk meningkatkan taraf pekerjaan apabila majikan sedia ada tidak dapat menawarkan peluang kemajuan selanjutnya.

Oleh itu, pekerja cenderung mencari peluang untuk beralih ke jawatan yang lebih tinggi, pekerjaan yang lebih berkualiti, atau pekerjaan yang dapat menawarkan prospek kemajuan yang lebih baik pada masa hadapan.

Job-hopping juga akan lebih kerap berlaku seiring dengan



perkembangan dan diversifikasi ekonomi negara, yang secara bersur-sur ansur akan mewujudkan pasaran buruh yang lebih kompetitif serta sengit, dan seterusnya menyumbang kepada kos pengambilan pekerja yang lebih tinggi.

"Oleh yang demikian, sokongan berterusan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sama-sama membarigakan perkara ini akan dapat membantu pihak kerajaan menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran dan memperkuuh daya saing sektor swasta seiring dengan perkembangan ekonomi," ujar Yang Berhormat.

Majikan perlu tawarkan gaji yang berpatutan, berdaya saing

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. – Jabatan Buruh telah melaksanakan pemantauan ke atas pelaksanaan upah minimum Fasa Pertama yang menunjukkan bahawa pekerja tempatan telah memperolehi manfaat dari penguatkuasaan Perintah Upah Minimum.

Para pekerja yang menerima gaji di bawah kadar upah minimum telah diberikan gaji pada kadar yang ditetapkan, dan adasebilangan daripada mereka telah menerima gaji yang melebihi BND500 sebulan.

Manakala berdasarkan analisa gaji pekerja bagi Fasa Kedua pula, seramai 700 orang dijangka menerima gaji di bawah kadar

upah minimum, di mana gaji mereka akan dinaikkan kepada sekurang-kurangnya BND500 sebulan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hari ke-14 di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, di sini bagi menjawab persoalan Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang

Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai manfaat gaji minimum.

Walau bagaimanapun, kata Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, impak sebenar hanya akan diketahui setelah penguatkuasaan Jabatan Buruh di mana syarikat-syarikat terlibat akan menghadapkan *declaration form* dan salinan perjanjian pekerjaan mereka kepada jabatan tersebut.

"Di kesempatan ini, kaola ingin menekankan bahawa upah minimum ini adalah gaji asas dan bukanlah bertujuan untuk digunakan sebagai asas gaji kompetitif.

Selain itu, tujuannya juga adalah bagi menangani isu kadar *labour turnover* yang tinggi.

Oleh itu, kaola ingin menyeru para majikan dan pengusaha untuk menawarkan pakej gaji yang bukan saja berpatutan, namun juga berdaya saing sebagai daya tarikan untuk menarik dan mengekalkan bakat yang berkemahiran di sektor swasta," kata Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Kajian Employer-Based Survey (EBS) turut mendapat bahawa lebih daripada 35 peratus majikan yang menghadapi cabaran *local employee retention* adalah disebabkan oleh pekerja yang berhenti tanpa notis.

Oleh itu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyeru para pekerja dan pencari kerja untuk mengamalkan etika

serta tatacara bekerja yang profesional termasuk menjalinkan komunikasi yang telus dengan majikan agar dapat memelihara reputasi dan integriti pekerja dalam industri, dan sekali gus memberi manfaat kepada peluang kerjaya pada masa hadapan.

Daripada sudut peluang perkembangan kerjaya di sektor swasta pula, jelas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Salary Guideline Edisi 2023 telah disediakan sebagai garis panduan gaji untuk membantu syarikat swasta dalam menentukan gaji dan aliran kerjaya yang lebih kompetitif di sektor swasta.

"Usaha garis panduan ini juga diperkuuhkan lagi dengan adanya rangka kerja kompetensi, seperti Brunei ICT Industry Competency Framework (BIICF) bagi industri ICT di NBD, yang membolehkan perkembangan kerjaya secara berstruktur dan diharap akan menggalakkan anak-anak tempatan untuk memilih pekerjaan dan membina kerjaya di sektor swasta.

Daripada segi menimba pengetahuan dan kemahiran yang bermakna, majikan dan pekerja di sektor swasta bolehlah memanfaatkan program *upskilling* dan *reskilling* melalui kursus-kursus pendek di bawah Program SkillsPlus, Program SPIN dalam Bidang Perakaunan, dan HSE Competency Apprenticeship Program yang dianjurkan oleh Pusat Pekerjaan Brunei.

Dalam hubungan ini, kaola ingin menyeru semua pihak termasuk pencari kerja, majikan dan pekerja

di sektor swasta, untuk merebut peluang ini bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang disediakan," kata Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Sokongan daripada pelbagai pihak juga amat diperlukan dalam mengongsikan inisiatif-inisiatif yang disediakan untuk membantu meningkatkan jumlah penyertaan dan seterusnya memberi impak yang lebih meluas kepada golongan sasaran yang ditetapkan.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menerangkan, pihak kerajaan telah memperkenalkan Perintah Pekerjaan (Upah Minima) 2025 sebagai salah satu usaha untuk memastikan pekerja-pekerja disektor swasta menerima pendapatan yang berpatutan dan menggalakkan amalan pekerjaan yang adil (*fair employment practices*).

Perintah ini meliputi tujuh industri yang telah dikenal pasti iaitu Perbankan dan Kewangan; Teknologi Info-Komunikasi, Sekuriti, Pelancongan dan Penginapan; Arkitek, Kejuruteraan Profesional, UKUR Bahan dan Ukur Tanah; Perubatan dan Pergigian; dan Pendidikan Tinggi Swasta.

"InsyaaAllah, Perintah Pekerjaan (Upah Minima) ini akan dilaratkan kepada sektor-sektor lain pada masa akan datang," kata Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

"DI kesempatan ini, kaola ingin menekankan bahawa upah minimum ini adalah gaji asas dan bukanlah bertujuan untuk digunakan sebagai asas gaji kompetitif.

Selain itu, tujuannya juga adalah bagi menangani isu kadar *labour turnover* yang tinggi."



MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PERUNTUKAN DISEDIAKAN BIAYAI OPERASI, CORE BUSINESS KEMENTERIAN, JABATAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Masyarakat.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat, mengenai peruntukan bagi Ahli-ahli MMN (Yang Dilantik) dalam mewakili daerah-daerah untuk membantu kementerian berkaitan bagi mengatasi masalah yang timbul termasuk kerosakan jalan raya, rumah, dan bantuan asasi lain, semasa Persidangan MMN hari ke-14 di Mesyuarat Pertama dari

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Sekiranya berlaku kejadian atau masalah yang tidak dijangkakan dan tidak termasuk dalam peruntukan yang telah ditetapkan untuk sesuatu jabatan, seperti kejadian tanah susur atau kerosakan besar yang memerlukan bantuan segera, agensi yang berkenaan bolehlah memohon peruntukan kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi," ujar Yang



**Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji Othman**

Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Di samping itu, peruntukan khas untuk bencana alam juga telah disediakan dan boleh digunakan untuk menangani keadaan darurat yang melibatkan kerosakan besar yang memerlukan tindakan segera.

"Dengan ini, setiap agensi berkaitan mempunyai prosedur-prosedur tertentu untuk

memohon peruntukan jika berlakunya keperluan mendesak yang tidak dapat ditangani oleh peruntukan tahunan yang telah ditetapkan. Oleh itu, peruntukan-peruntukan yang telah pun disediakan akan disalurkan dengan mengambil kira keutamaan dan kesesuaian dengan keadaan semasa," kata Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

"SEKIRANYA berlaku kejadian atau masalah yang tidak dijangkakan dan tidak termasuk dalam peruntukan yang telah ditetapkan untuk sesuatu jabatan, seperti kejadian tanah susur atau kerosakan besar yang memerlukan bantuan segera, agensi yang berkenaan bolehlah memohon peruntukan kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi."

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Peruntukan yang disediakan oleh kerajaan bagi setiap kementerian dan jabatan adalah khusus untuk membiayai operasi dan core business kementerian dan jabatan berkenaan.

Sebagai contoh, peruntukan untuk pembaikan jalan raya adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya, manakala bantuan kepada masyarakat yang memerlukan adalah di bawah Jabatan Pembangunan

BEDB sentiasa pantau, pastikan penggunaan tanah perindustrian optimum



Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan perkara itu bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai kadar penghuni tapak industri di negara ini di bawah kawal selia BEDB, khususnya di Daerah Tutong dan Temburong semasa Persidangan MMN hari ke-14 di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Antara tapak-tapak yang telah dikenal pasti termasuk Kampung Bukit Pasir, Zon 1 seluas 500 hektar; Kampung Bukit Pasir, Zon 2, 98 hektar; Kampung Bukit Beruang, 10 hektar; dan Kampung Labu Estate, 4 hektar.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II menerangkan, pihak BEDB sentiasa memantau dan mengurus kadar penghunian tapak industri sedia ada bagi memastikan penggunaan tanah perindustrian yang optimum serta menyokong pertumbuhan sektor perniagaan dan pelaburan di negara ini.

Setakat ini, kadar penghuni bagi tapak-tapak perindustrian di bawah kawalan BEDB adalah sekitar 61 peratus secara keseluruhannya.

Terdapat beberapa lot tapak

yang telah diperuntukkan bagi pelaburan baharu terutama dalam sektor pembuatan, logistik, dan perkhidmatan.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, kompleks Ready-Built Factories (RBF) yang dibina khusus untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) tempatan turut mencatat kadar penghunian yang memberangsangkan iaitu sekitar 81 peratus.

Ini menunjukkan perkembangan yang positif dalam kalangan PMKS tempatan terhadap kemudahan sedia ada.

Yang Berhormat Menteri di JPM

dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut menerangkan mengenai perkembangan terkini kadar penghuni tapak industri sedia ada di Daerah Tutong dan Temburong.

Bagi Daerah Tutong, Tapak Serambangun Industrial Park mempunyai kadar penghuni sebanyak 75 peratus, manakala Tapak Perindustrian Bukit Panggal pada masa ini masih belum berpenghuni namun usaha sedang giat dilaksanakan untuk diiklankan kepada pengusaha.

Bagi tapak perindustrian di Daerah Temburong pula, Tapak Perindustrian Batu Apoi setakat ini mempunyai kadar penghuni

sebanyak tujuh peratus; manakala Tapak Komersial dan Perindustrian Labu Square A sedang dimajukan dengan prasarana serta kemudahan seperti bilik sembahyang dan tandas awam. Ia dijangka siap pada suku kedua tahun ini.

"Berdasarkan kepada statistik yang kaola kongsikan tadi, memandangkan kadar penghuni di tapak perindustrian adalah masih dikira rendah di kedua-dua daerah ini, maka tiada keperluan untuk menambah tapak perindustrian buat masa ini," terang Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.



ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :**

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

KEMENTERIAN PERTAHANAN ADAKAN SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN, PENYERAHAN SUMBANGAN DERMA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyerahan Sumbangan Derma kepada Anak-anak Yatim dan Golongan Asnaf di Masjid Kampung Sungai Teraban (atas dan bawah).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

SUNGAI TERABAN, Khamis, 20 Mac. - Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyerahan Sumbangan Derma kepada Anak-anak Yatim dan Golongan Asnaf di Masjid Kampung Sungai Teraban, lewat petang tadi. Majlis tersebut diserasikan dengan Program Ihya' dan Jangkauan Ramadan 1446 Hijrah.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan Jawatankuasa Eksekutif Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan warga Kementerian Pertahanan.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat suci Al-Quran, diikuti Tazkirah Khas oleh Pegawai Turus Tarbiah Agama JAMA'AT, Leftenan Kolonel Ariffin bin Amit@Hamid



yang membawakan tajuk 'Akal Sihat Dengan Al-Quran', selaras dengan tema Nuzul Al-Quran peringkat negara tahun ini.

Pengajaran yang boleh didapati semasa tazkirah tersebut ialah akal yang sihat adalah anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang perlu dipupuk dengan ilmu, manakala Al-Quran berperanan sebagai panduan utama dalam membentuk pemikiran rasional dan kritis, yang amat diperlukan dalam dunia penuh cabaran dan maklumat untuk membuat keputusan bijak serta menghindari pengaruh yang mengelirukan.

Sumbangan di bawah Program Ihya' dan Jangkauan Ramadan telah diserahkan kepada lima anak yatim dan 20 penerima asnaf dari Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, yang bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan mereka dalam melaksanakan kewajipan sepanjang bulan Ramadan serta persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.

Turut diundang selaku jemputan khas, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara yang terdiri dari Daerah Belait, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Pemangku Pegawai Daerah Belait,

163 anak yatim diraikan pada Majlis Iftar Ramadan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. - Sempena bulan Ramadan Al-Mubarak ini, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Majlis Iftar Ramadan bersama 163 anak yatim daripada Sanah 6, sekolah-sekolah Arab dan Darjah 4 sekolah-sekolah ugama.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Menurut Hotel Antarabangsa Rizqun, pada tahun ini, pihaknya telah menjemput anak-anak yatim dari sekolah-sekolah Arab dan sekolah-sekolah ugama di negara ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatiha, Surah Yaa Siin, Tahliil serta Doa Arwah yang dipimpin oleh Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan dari JPI.

Sebelum majlis bersurai, tetamu kehormat majlis dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Hotel Antarabangsa Rizqun turut menyampaikan paket hijau kepada anak-anak yatim yang diraikan berkenaan.

Majlis berkenaan merupakan amal infak pihak Abdul Razak Holdings dalam mengambil sukut baik keberkatan bulan Ramadan dan secara tidak langsung diharasarkan dapat membantu meringankan perbelanjaan anak-anak yatim menjelang Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Di samping itu, ia juga untuk sama-sama mendoakan mereka yang telah kembali ke rahmatullah khususnya ibu bapa dan penjaga anak-anak yatim serta umat Islam amnya.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah Abdul Razak Holdings dan Pengarah Hotel Antarabangsa Rizqun.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa menyampaikan sumbangan kepada penerima.

wakil Pusat Da'wah Islamiah, KHEU, Presiden Persatuan Veteran ABDB (PERWIRA), wakil-wakil daripada syarikat-syarikat minyak dan gas, Penghulu dan Ketua Kampung.

Acara serupa turut diadakan serentak di semua surau di perkhemahan ABDB sebagai sebahagian daripada Program Ihya' dan Jangkauan Ramadan tahunan.

JPP keluarkan edisi khas poskad Hari Raya 2025

SENARAI CAWANGAN-CAWANGAN PEJABAT POS YANG AKAN MENJUAL POSKAD HARI RAYA

BIL.	CAWANGAN PEJABAT POS
1	PEJABAT BESAR POS BANDAR SERI BEGAWAN
2	MPC BERAKAS
3	GADONG
4	SERI KOMPLEKS
5	MUARA
6	SENGKURONG
7	TUTONG
8	LUMUT
9	SERIA
10	MUMONG, KB
11	BANGAR, TEMBURONG
12	SALAMBIGAR
13	RIMBA
14	BUNUT
15	LUMAPAS
16	L.MANIS
17	LAMUNIN
18	TELISAI

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Pos

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah mengeluarkan Poskad Hari Raya, sebuah produk filatelic khas bersempena Sambutan Hari Raya tahun ini.

Poskad Hari Raya tersebut merupakan salah satu inisiatif JPP dalam mengekalkan tradisi penulisan dan penghantaran ucapan Hari Raya secara fizikal.

Pengeluarannya bertujuan untuk menghidupkan kembali nostalgia berkirim kad ucapan sebagai tanda ingatan kepada keluarga, sahabat handai serta kenalan, sama ada yang jauh maupun dekat.

Sebagai keluaran edisi khas, poskad dijangka menarik perhatian para pengumpul serta memupuk minat generasi muda terhadap seni dan sejarah poskad.

Tahun ini juga menandakan kali pertama JPP memperkenalkan kad

Hari Raya dalam bentuk poskad, yang pastinya memberikan nilai sentimental kepada para peminat dan pengumpul poskad.

Selain itu, usaha tersebut juga merupakan inisiatif JPP untuk mengembalikan keunikan budaya berkirim kad Hari Raya.

Dengan pengeluaran poskad ini, generasi muda dapat mengenal dan memahami bagaimana komunikasi dilakukan sebelum era digital, di samping menyedari bahawa perkhidmatan pos masih relevan dan terus memainkan peranan penting dalam kehidupan sehari-hari.

Poskad Hari Raya tersebut dikeluarkan dalam edisi khas yang sangat terhad, dengan jumlah cetakan sebanyak 2,000 keping sahaja.

Oleh itu, orang ramai, terutamanya peminat dan pengumpul poskad, digalakkan untuk mendapatkan poskad sebelum kehabisan.

Harga jualan adalah; satu Set Pek mengandungi empat keping poskad (reka bentuk berbeza) - BN6.00 (tidak termasuk setem).

Bagi mereka yang ingin menghantar Poskad Hari Raya, penghantaran boleh dilakukan melalui pembelian setem atau menggunakan Perkhidmatan Poslaju (EMS), yang menawarkan penghantaran lebih pentas, selamat dan boleh dijejak keberadaannya.

Orang ramai bolehlah memperoleh Poskad Hari Raya berkenaan dengan mengunjungi cawangan-cawangan pejabat pos yang tersenarai mulai hari Khamis, 20 Mac 2025, dari jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Untuk sebarang pertanyaan dan makluman lanjut, sila hubungi CSCPOST di talian +673 2380481, atau melalui aplikasi WhatsApp (pesanan mesej sahaja) di +673 8711002, atau kunjungi media sosial Instagram @Post_Brunei serta laman sesawang rasmi www.post.gov.bn.

MULUT SIHAT CERMINAKAN KEYAKINAN DIRI, KESEJAHTERAAN MENTAL

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Hari Kesihatan Mulut Sedunia disambut pada setiap 20 Mac sebagai salah satu kempen untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesihatan mulut yang baik.

Tahun ini adalah tahun kedua dalam kempen selama tiga tahun yang dilancarkan oleh FDI World Dental Federation untuk Hari Kesihatan Mulut Sedunia dengan tema utama 'Mulut Sihat Adalah... Minda Sihat' (A Happy Mouth Is... A Happy Mind).

Menyatakan bahawa kesihatan mulut yang sihat bukan sahaja mencerminkan amalan kebersihan mulut yang baik tetapi juga menyumbang kepada keyakinan diri, kesejahteraan mental dan kualiti hidup yang lebih baik.

Masalah kesihatan mulut, ujar Yang Berhormat, bukan sahaja menjelaskan kesihatan fizikal tetapi juga boleh memberi impak besar kepada kesejahteraan mental seseorang.

Kongsi Yang Berhormat, antaranya ialah pertama, gigi yang buruk, mulut yang berbau atau kehilangan gigi boleh menyebabkan seseorang berasa rendah diri dan malu untuk berinteraksi dengan orang lain. Keadaan ini boleh membawa kepada punca kesihatan mental terjejas seperti masalah kemurungan dan kegelisahan sosial.

Kedua, tambah Yang Berhormat, rasa sakit akibat jangkitan gusi atau gigi berlubang boleh menyebabkan seseorang mengalami stres yang berterusan.

Seterusnya ketiga, tambah Yang Berhormat, sakit gigi dan masalah rahang boleh menyebabkan gangguan tidur yang serius. Kurang tidur boleh mengakibatkan perubahan mood, kesukaran menumpukan perhatian dan meningkatkan risiko kemurungan.

Keempat, individu yang mengalami masalah kesihatan mulut, ujar Yang Berhormat, sering kali mempunyai masalah untuk mengunyik makanan dengan betul. Ini boleh menyebabkan mereka mengelak daripada makan makanan tertentu, kurang selera makan atau mengalami gangguan pemakanan yang akhirnya boleh mendatangkan kemurungan.

Kelima, kajian mendapati bahawa bakteria dalam mulut boleh memasuki aliran darah dan memberi kesan kepada kesihatan otak, meningkatkan risiko penyakit Alzheimer serta gangguan mental yang lain. Punca kesihatan mental ini sering dikaitkan dengan tahap kebersihan mulut yang rendah. Oleh itu, terang Yang Berhormat, penjagaan kesihatan mental adalah sama pentingnya dengan penjagaan kebersihan mulut.

"Di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan ada menyediakan perkhidmatan pergigian sepenuh masa di di Pusat Pergigian Negara, pusat-pusat kesihatan, hospital kerajaan dan di Pusat Perkembangan Kanak-kanak. Perkhidmatan yang disediakan meliputi perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut asasi

dan perkhidmatan kepakaran pergigian.

"Pada masa ini, orang ramai boleh membuat tempahan perjanjian melalui aplikasi BruHealth bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut asasi dan digalakkan untuk datang mengikut jam yang telah ditetapkan.

Menurut statistik Jabatan Perkhidmatan Pergigian (JPP), kehadiran pesakit ke klinik-klinik pergigian pada tahun 2024 adalah seramai 139,885. Manakala kadar tempahan untuk perjanjian pergigian melalui BruHealth dianggarkan dalam 90-95 peratus," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada percutian sempena Sambutan Hari Kesihatan Mulut Sedunia 2025.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat lagi, Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Pergigian (JPP) juga ada mengendalikan beberapa program untuk mempromosikan kesihatan mulut bagi semua lapisan masyarakat di negara ini.

Antaranya kongsi Yang Berhormat, Program Senyum SiManja dilaksanakan di 16 buah pusat kesihatan dan hospital di seluruh negara untuk kanak-kanak berumur 1 hingga 4 tahun. Program ini bertujuan untuk memberikan pendidikan awal penjagaan kesihatan mulut kepada ibu bapa / penjaga dan langkah pencegahan melalui sapuan varnis fluorida.

Jelas Yang Berhormat, varnis fluorida adalah sejenis gel fluorida yang pekat yang digunakan pada permukaan gigi selepas pemeriksaan gigi. Kajian saintifik telah menunjukkan bahawa ia mampu memberi perlindungan tambahan kepada gigi daripada kerosakan apabila digunakan sebagai tambahan kepada rutin memberus gigi dengan ubat gigi berfluorida.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, Program Senyum Pelajar dilaksanakan di beberapa buah sekolah tadika dan sekolah rendah yang mana taklimat interaktif mengenai dengan kesihatan mulut, sapuan varnis fluorida dan Sealant Fisur diberikan kepada murid-murid untuk meningkatkan penjagaan kesihatan mulut mereka. Sealant Fisur adalah rawatan pencegahan bagi membantu mencegah kerosakan gigi posterior (belakang).

Program Senyum Komuniti pula terang Yang Berhormat, menyasarkan kumpulan komuniti tertentu, termasuklah para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) dan komuniti lain untuk meningkatkan kesedaran dan menyediakan penjagaan kesihatan mulut.

Manakala Program Senyum Kasih, tambah Yang Berhormat adalah khusus untuk para pesakit berkeperluan khas di kediaman masing-masing, termasuk mereka yang terlantar, dengan memastikan perkhidmatan kesihatan pergigian dapat dicapai atau diakses oleh golongan yang memerlukan.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga menyediakan Perkhidmatan Pergigian Sekolah untuk murid-murid di 43 buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah bagi memastikan apabila pelajar meninggalkan sistem sekolah, mereka akan



HARI Kesihatan Mulut Sedunia disambut pada setiap 20 Mac sebagai salah satu kempen untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang kepentingan kesihatan mulut yang baik.

menjadi *dentally fit* dengan kesihatan mulut yang optimum melalui intervensi yang sesuai.

Ini jelas Yang Berhormat, termasuk program latihan pemberusan gigi di semua sekolah rendah di seluruh negara bagi memperkasakan mereka untuk bersungguh-sungguh dalam mengelakkan kesihatan mulut pada tahap optimum melalui penjagaan diri yang sewajarnya.

Sokongan dan kerjasama pihak sekolah sangat diharapkan bagi memastikan semua pelajar mengamalkan tabiat memberus gigi selepas waktu makan di sekolah.

Sempena Hari Kesihatan Mulut Sedunia ini, apa yang diharapkan, seluruh penduduk di negara ini dapat mengekalkan amalan penjagaan kebersihan mulut setiap hari.

"Tindakan mudah seperti berikut adalah penting untuk memastikan mulut yang sihat dan juga minda yang sihat iaitu memberus gigi dua kali sehari dengan ubat gigi yang berfluorida, menggunakan flos dan berkumur dengan ubat kumur antibakteria untuk mengurangkan

pembentukan plak dan bakteria.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk berludah sahaja dan tidak berkumur-kumur selepas memberus gigi. Kerana jika berkumur-kumur, ubat gigi akan hilang dan tidak dapat memberikan perlindungan yang optimum pada gigi," kongsi Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Tambah Yang Berhormat lagi, mengurangkan pengambilan makanan dan minuman bergula dan berasid. Lebihkan pengambilan makanan kaya kalsium dan Vitamin 'D' untuk kesihatan gigi yang lebih baik, menjalani pemeriksaan mulut secara berkala atau rutin dapat membantu mengesan dan merawat masalah oral sebelum ia menjadi lebih serius dan berhenti merokok. Merokok bukan sahaja merosakkan gigi dan gusi, tetapi juga meningkatkan risiko penyakit mental seperti kemurungan dan keimbangan.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, elakkan mendapatkan rawatan daripada individu-individu yang tidak bertauliah seperti pendakap gigi tiruan atau *fake braces* dan

mengamalkan teknik relaksasi seperti meditasi, senaman dan tidur yang mencukupi untuk mengurangkan tahap stres yang boleh menyebabkan punca masalah kesihatan mental berlaku.

Yang Berhormat menyeru orang ramai untuk mengikuti platform media sosial akaun rasmi @DentalBrunei di TikTok dan Instagram untuk panduan penjagaan pergigian serta pelbagai maklumat promosi kesihatan mulut.

"Kementerian Kesihatan, terang Yang Berhormat akan tetap komited dalam meningkatkan kesihatan mulut melalui perkhidmatan penjagaan kesihatan mulut yang berkesan, saksama, berpatutatan, boleh diakses, selamat dan mampu kepada seluruh masyarakat.

Marilah kita bersama-sama menghayati tema 'Mulut Sihat Adalah... Minda Sihat' dan mengambil langkah pencegahan awal atau proaktif ke arah penjagaan kesihatan mulut yang lebih baik," jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Mengukuhkan Hubungan Antarabangsa.' Tarikh Tutup : 26 Mac 2025
2. 'Cabaran Peluang Pekerjaan Untuk Generasi Muda.' Tarikh Tutup : 2 April 2025
3. 'Pembayaran Dalam Talian : Selamat Atau Bahaya?' Tarikh Tutup : 9 April 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MOFE TERUSKAN BERTADARUS DI MASJID KAMPUNG KILANAS

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bertadarus dan seterusnya menyerahkan sumbangan infak kepada Masjid Kampung Kilanas yang diterima oleh Imam Masjid (atas dan kiri). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



8.	- Kampung Labu Estate - Kampung Senukoh	Khairulamirin Fitri bin Haji Samsudin (Imam Tingkat II) Nortaqiuiddin bin Nordin (Imam Tingkat IV)	Masjid Kampung Labu Estate

BIL.	KAWASAN	NAMA AMIL	TEMPAT MEMBAYAR
9.	Kawasan Surau Kampung Piasau-Piasau	Haji Mohd. Zin bin Haji Kulla (Bilal Tingkat I / Pemangku Imam) Haji Mohammad Ashraf bin Haji Makmor (Merbut / Pemangku Bilal)	Balai Ibadat Kampung Piasau-Piasau
10.	- Kampung Puni - Kampung Ujong Jalan	Azry bin Haji Mohammad Yusoff (Pegawai Hal Ehwal Masjid)	Masjid Kampung Puni
11.	Kawasan Balai Ibadat Kampung Semabat	Haji Mokhsin bin Abdul Karim (Bilal Tingkat I / Pemangku Imam) Mohd. Fuad bin Mohd. Yussof (Bilal Tingkat II Khas)	Balai Ibadat Kampung Semabat
12.	Kawasan Balai Ibadat Kampung Sibut	Khairolrizan bin Ibrahim (Bilal Tingkat II / Pemangku Imam)	Balai Ibadat Kampung Sibut
13.	- Kampung Rataie - Perpindahan Kampung Rataie - STKRJ Kampung Rataie	Mahdini bin Kamis (Imam Tingkat I) Julherime bin Haji Mohd. Salleh (Imam Tingkat IV) Rashidyy bin Hussen (Bilal Tingkat I) Mohamad Sahrul bin Ya'akub (Merbut)	Masjid RPN Kampung Rataie
Jumlah Kawasan: 13			
Jumlah Amil yang dicadangkan untuk lantik: 27 Orang			
PEMBERITAHUAN			
ADALAH dimaklumkan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa :			
Menurut Mazhab Syafi'ie, Zakat Fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan oleh penduduk sesebuah negeri itu. Di Negara Brunei Darussalam, beras adalah makanan yang biasa dan asasi dimakan oleh penduduknya.			
Ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di Negara Brunei Darussalam iaitu Beras Wangi dan Beras Siam. Kedua-dua harga beras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.			
Menurut Mazhab Hanafi, sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilai wang.			
Oleh kerana ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di negara ini, maka Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seseorang islam di negara ini bagi tahun 1446H bersamaan 2025M ialah 2 Kilo 268 Gram atau dengan nilai wang seperti berikut:			
Jika Beras Wangi – BND2.84 Jika Beras Siam – BND1.93			
(Dengan nilai wang ini bertaqlid kepada Mazhab Hanafi)			
Adalah harus yakni sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan salah satu kategori beras (Beras Wangi dan Beras Siam).			
Dalam pada itu, sesiapa juga yang suka daripada kalangan mereka yang memakan Beras Siam dan lebih-lebih lagi yang menjadi makanan biasanya ialah Beras Wangi adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya itu dengan Beras Wangi berdasarkan ukuran mutu bagi satu qaul adalah pada harganya, iaitu sebagai (berlemah lembut dan tanda belas kasihan kepada orang-orang miskin).			
Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai masuk matahari akhir bulan Ramadan (malam Hari Raya Aidilfitri) hingga imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus.			
Zakat Fitrah dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan (Puasa).			
"SESUNGGUHNYA sedekah-sedekah (Zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."			
- Surah At-Taubah, Ayat 60			

MALAM YANG LEBIH BAIK DARI SERIBU BULAN

* Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 20 Ramadhan 1446H/21 Mac 2025M

Lailatul Qadr



Pada malam ini, Allah SWT mengampunkan dosa hamba-hambanya yang beribadat dengan penuh keimanan kerana mengharapkan keredhaan Allah SWT.

- ➡️ Rahsia Allah SWT; tidak ditentukan saat dan waktunya
- ➡️ Rasulullah SAW menjelaskan dalam hadith Baginda untuk mencari Lailatul Qadr pada sepuluh hari terakhir di bulan Ramadhan dan pada tiap-tiap malam yang ganjil

Sifat, rupa atau tanda-tanda Lailatul Qadr



- Satu malam yang berkeadaan sunyi sepi penuh ketenangan serta bercahaya
- Suasannya: segar tidak panas dan tidak sejuk, tetapi sederhana
- Keadaan ini berterusan sehingga terbit Fajar
- Pada waktu pagi, matahari akan naik berwarna putih, tidak memancarkan cahaya/sinar yang terik

Jika seseorang itu ditakdirkan bertemu dengan malam tersebut, maka hendaklah dia memperbanyakkan doa dan memohon keampunan ke hadrat Allah SWT

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاغْفِرْ عَنِّي

Maksudnya:

Ya Allah! Sesungguhnya Engkau yang mengurniakan keampunan terhadap dosa-dosaku. Engkau Maha Pengampun, maka ampunilah aku (HR Imam Termizi)

Apa lagi yang boleh kita buat?

Menghidupkan Lailatul Qadr, seperti: beriktikaf, memperbanyakkan sembahyang-sebahyang sunat, membaca al-Quran, zikir, istighfar, doa, sedekah, membangunkan dan mengajak ahli keluarga untuk sama-sama melakukan amal ibadah

HUTAN BERPERANAN PENTING DALAM KEHIDUPAN MANUSIA

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

>> Muka 1

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam perutusan bersempena Hari Hutan Antarabangsa 2025 pada 21 Mac 2025 bertemakan 'Hutan dan Makanan' (Forests and Food).

Terdahulu, menurut Yang Berhormat pada tahun 2012, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) secara rasmi mengisytiharkan 21 Mac sebagai Hari Hutan Antarabangsa dengan tujuan memperingati serta meningkatkan kesedaran global mengenai kepentingan semua jenis hutan.

Tema pada tahun ini, terang Yang Berhormat, mengetengahkan hubung kait antara hutan dan kepentingannya dalam menyediakan sumber makanan kepada manusia serta peranan pentingnya dalam keterjaminan makanan (food security) global.

Kongsi Yang Berhormat lagi, antara peranan penting tersebut ialah menyediakan pelbagai sumber makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran hutan, madu, cendawan dan herba, yang merupakan sebahagian daripada sumber pemakanan bagi masyarakat di seluruh dunia.

Kepelbagaiannya biologi hutan juga membuka peluang untuk penemuan sumber makanan baharu yang berpotensi dimanfaatkan oleh masyarakat seluruh dunia.

Seterusnya tambah Yang Berhormat, membekalkan tumbuhan ubatan (*medicinal plant*) yang telah lama digunakan dalam perubatan tradisional dan semakin mendapat perhatian dalam penyelidikan perubatan moden; menyokong keterjaminan makanan (*food security*) dengan mengekalkan kesuburan tanah, mengawal hakisan dan mengekalkan keseimbangan ekosistem dan selain itu, hutan turut memainkan peranan penting dalam mengawal iklim mikro (*micro climate*), mengekalkan perkhidmatan ekosistem termasuk mendukung keseimbangan biodiversiti adalah menjadi asas kepada kestabilan kesejahteraan persekitaran dan ekonomi.

"Walau bagaimanapun, ancaman seperti perubahan iklim, pembukaan hutan yang meluas dan eksloitasi sumber alam yang jika tidak dikawal boleh memberi kesan kepada kestabilan ekosistem hutan dan kesejahteraan alam sekitar.

Laporan oleh Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) menunjukkan bahawa kadar penebangan hutan di seluruh dunia dianggarkan sekira 10 juta hektar setahun antara tahun 2015 hingga 2020. Kesan daripada kehilangan hutan ini bukan sahaja menjelaskan biodiversiti tetapi juga memberi impak kepada perkhidmatan ekosistem yang mendukung bekalan makanan," jelas Yang Berhormat.

Sehubungan itu, kongsi Yang Berhormat, Dasar Perhutanan Negara telah memainkan peranan penting dalam memastikan pengurusan hutan yang mampan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

serta melalui pendekatan pemeliharaan dan pemuliharaan, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang menekankan kepentingan kelestarian alam sekitar dalam mencapai kualiti kehidupan yang tinggi.

Terang Yang Berhormat lagi, Dasar Perhutanan Negara merupakan dasar yang bertanggungjawab untuk memelihara, memaju dan menguruskan sumber hutan bagi maksud pemeliharaan dan peningkatan mutu kehidupan, menggalakkan kebajikan sosial, politik dan ekonomi rakyat dan kemajuan teknologi negara serta menyediakan kemudahan persekitaran dan keseimbangan ekologi untuk jangka panjang.

Melalui dasar ini, NBD komited meningkatkan keluasan hutan simpan kepada sekurang-kurangnya 55 peratus daripada keluasan tanah negara, yang diklasifikasikan kepada Hutan Perlindungan, Hutan Pengeluaran, Hutan Rekreasi, Hutan Pemeliharaan dan Taman Negara bagi menjamin kestabilan ekologi serta kesejahteraan masyarakat.

Sebagai agensi utama bagi Strategi 2 (Liputan Hutan) di bawah Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan akan terus komited dalam memelihara dan memulihara hutan di negara ini melalui Program Penghijauan dan Pemuliharaan Hutan yang bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kapasiti hutan sebagai penyeraf karbon tetapi juga menyokong keterjaminan makanan dengan mengekalkan kesuburan tanah, sumber air bersih, serta keseimbangan ekosistem yang penting.

"Sejak tahun 2020, secara kumulatif sejumlah 185 ribu pokok

telah ditanam iaitu mencapai 37 peratus daripada sasaran penanaman 500 ribu pokok menjelang tahun 2035," ujar Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, pemuliharaan hutan bukanlah tugas satu pihak sahaja. Ia memerlukan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak kerajaan, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat.

Dalam kehidupan seharian, tambah Yang Berhormat, kita boleh mengurangkan kesan negatif terhadap hutan dengan mengurangkan penggunaan bahan yang mencemarkan alam sekitar serta menghargai peranan hutan dalam menyediakan perkhidmatan ekosistem seperti penyediaan makanan, penyeraf karbon dan pemeliharaan biodiversiti, sambil mendidik generasi muda tentang kepentingan pemeliharaan hutan.

Mengambil langkah-langkah ini akan membawa pelbagai manfaat kepada negara dan masyarakat. Kongsi Yang Berhormat antaranya termasuk memastikan bekalan makanan yang mencukupi, meningkatkan kualiti udara dan air, mengurangkan kesan perubahan iklim serta mewujudkan peluang ekonomi baharu melalui sektor perhutanan dan ekopelancongan.

Selain itu, ujar Yang Berhormat, usaha pemuliharaan hutan juga dapat memperkuatkan daya tahan ekosistem tempatan, mengurangkan risiko bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir serta meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan alam sekitar.

"Bayangkan dunia tanpa hutan. Sumber makanan akan berkurangan, tanah menjadi tandus, udara yang tercemar dan biodiversiti yang semakin pupus. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk terus memelihara hutan, bukan sahaja demi kepentingan generasi kita tetapi juga demi kepentingan untuk



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam perutusan bersempena Hari Hutan Antarabangsa 2025 pada 21 Mac 2025 bertemakan 'Hutan dan Makanan' (Forests and Food).

generasi masa hadapan kita," tekan Yang Berhormat.

Bagi mengakhiri perutusan, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menyeru orang ramai untuk sama-sama berusaha untuk menjaga dan melindungi hutan dengan bermula langkah kecil seperti menyokong amalan pembangunan, pertanian dan perikanan mampan, mengurangkan pembaziran makanan dan menyertai aktiviti penanaman pokok.

"Setiap usaha yang dilakukan hari ini akan membawa perubahan yang besar pada masa hadapan. Hutan adalah sumber kehidupan dan dengan memeliharanya, kita bukan sahaja melindungi ekosistem, tetapi juga memastikan bekalan makanan yang mencukupi untuk generasi masa hadapan. Oleh itu, marilah kita semua berganding bahu untuk menjamin masa depan yang lebih mampan dan sejahtera," jelas Yang Berhormat.

■ **PERTUBUHAN** Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) secara rasmi mengisytiharkan 21 Mac sebagai Hari Hutan Antarabangsa dengan tujuan memperingati serta meningkatkan kesedaran global mengenai kepentingan semua jenis hutan.

■ **KEPELBAGAIAN** biologi hutan juga membuka peluang untuk penemuan sumber makanan baharu yang berpotensi dimanfaatkan oleh masyarakat seluruh dunia.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. - Bersempena dengan bulan Ramadan yang mulia ini, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) melalui Jawatankuasa Kebajikan RB - Hal Ehwal Ugama 2024 hingga 2026 petang tadi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Mengetuai rombongan berkenaan,

Menteri Pembangunan selaku Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) semasa mengetuai rombongan pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Juga hadir sama ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos, selaku Timbalan Pengerusi RB; dan Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid.

Majlis terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Surah Yaa Siin dan Tahlil yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim.

Seramai 50 orang dari pihak pengurusan dan kakitangan RB hadir ke majlis berkenaan, yang juga turut dihadiri oleh pengurusan dan wakil dari Sabre Travel Network Brunei.

KONGSI REZEKI, KECERIAAN DI BULAN RAMADAN



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Program Iftar Kasih Ramadhan 2.2 anjuran bersama Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan dengan kerjasama Kumpulan Syarikat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Kumpulan Syarikat Samima Sendirian Berhad yang diadakan di Masjid RPN Lambak Kanan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Jumaat, 21 Mac. - Ramadan yang penuh barakah juga berbagi untuk memeriahkan suasana kedatangan bulan Syawal



1446 Hijrah, Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negara Brunei Darussalam menerusi Cawangan Daerah Brunei Muara mengungkayahkan Program Iftar Kasih Ramadhan 2.2.

Program anjuran bersama Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan dengan kerjasama Kumpulan Syarikat Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Kumpulan Syarikat Samima Sendirian Berhad itu diadakan di Masjid RPN Lambak Kanan, di sini.

Program antara lain bertujuan

YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menyampaikan sumbangan kepada para penerima.

untuk berbagi rezki bersama golongan sasaran yang terdiri daripada asnaf fakir miskin, keluarga daif, ibu tunggal, warga emas, serta golongan yang terkesan dan berkeperluan khususnya di Kawasan 1, RPN Lambak Kanan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Program Iftar Kasih Ramadhan 2.2 tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Sekretari Jeneral PBSM, Haji Muhd. Suhaimi bin Haji Ibrahim; perwakilan dari Kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB, Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Samima Sdn. Bhd., Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid RPN Lambak Kanan dan para jemaah masjid berkenaan.

Antara pengisian program termasuk Majlis Penyampaian Bakul Makanan Asasi kepada seramai 20 keluarga Asnaf Fakir Miskin dari RPN Lambak Kanan Kawasan 1 yang disumbangkan oleh Kumpulan Syarikat Samima Sdn. Bhd., dan disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Haji Hidayathulah Thajudeen.

Majlis diselajurkan dengan Penyampaian Sumbangan wakaf kepada Masjid RPN Lambak Kanan dari PBSM dan seterusnya berbuka puasa / bersungkai bersama keluarga-keluarga Asnaf Fakir Miskin sumbangan Kumpulan Syarikat Perbadanan TAIB.

Program Iftar Kasih Ramadhan 2.2 tersebut adalah susulan dari Program Iftar Kasih Ramadhan 2.1 yang telah diadakan pada 15 Ramadhan 1446 Hijrah bersamaan 16 Mac 2025 Masihi bertempat di Masjid Selangan, Temburong yang diungkayahkan oleh PBSM, Platun Daerah Temburong.

Penyerahan Zakat Perniagaan Syarikat Al-Bukhari, KOTIBA

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah menerima sejumlah BND89,598.94 bayaran Zakat Perniagaan

daripada dua buah syarikat iaitu Syarikat Al-Bukhari Sdn. Bhd. berjumlah BND30,102.50 dan Koperasi Persatuan Tiba (KOTIBA) berjumlah BND59,496.44.

Kesemua wang zakat tersebut diserahkan kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua MUIB pada Majlis Penyerahan Wang Zakat Perniagaan yang telah diadakan Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), petang tadi.

Menyerahkan Zakat Perniagaan daripada Syarikat Al-Bukhari Sdn. Bhd. ialah Pengurus Syarikat Al-Bukhari Sdn. Bhd., Fakhri Alam, manakala menyeraikan Zakat Perniagaan KOTIBA ialah Pengurus Lembaga Pengarah KOTIBA, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan wang zakat tersebut, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Pemangku



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa hadir pada majlis berkenaan dan seterusnya menerima Zakat Perniagaan dari Koperasi Persatuan Tiba (KOTIBA) (bawah kiri dan atas).

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu dan Pemangku Pengarah Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal, KHEU, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit.

Zakat Perniagaan merupakan zakat yang wajib dikeluarkan hasil

daripada harta perniagaan sama ada yang melibatkan barang-barang runcit, barang import, eksport, perkhidmatan, kedai makan, perhotelan, pembuatan, pembinaan dan lain-lain. Zakat Perniagaan ini suatu tanggungjawab yang wajib ditunaikan ke atas mereka yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

PENINGKATAN PENGHAFAZ AL-QURAN GENERASI BAHARU MEMBANGGAKAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KAMPUNG KATOK, Khamis, 20 Mac. - Penyertaan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446 Hijrah pada tahun ini adalah sangat membanggakan bagi masyarakat tempatan iaitu seramai 336 peserta berbanding 306 peserta pada tahun lepas.

Sesungguhnya peningkatan yang ketara ini adalah sangat menggembirakan kepada kita semua dan ia menandakan semakin luasnya kitab suci Al-Quran itu dihafaz di negara kita.

Pemangku Pengarah Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof menyatakan demikian dalam ucapan alu-aluannya pada Majlis Penyampaian Hadiah Kepada Pemenang Keempat dan Kelima Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H bertempat di Auditorium 1, Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran

Anak Hajah Saleha, Kampung Katok, hari ini.

Menurut Awang Mohammad Ali Sabri, majoriti penghafalnya adalah daripada kalangan generasi baharu yang berjiwa penghafaz Al-Quran dan mereka ini mendapat galakan daripada ibu bapa dan penjaga masing-masing dengan diijarkan pula oleh guru-guru mereka di persekolahan ugama.

Selain itu, katanya, kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi pengajian di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan juga Skim Galakan yang diberikan kepada Al-Huffaz yang berkelayakan dengan diperakuan oleh Majlis Tasme' Tertinggi dalam beberapa Kategori Hafazan yang diperkenalkan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam.

"Kita berdoa pada bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini semakin ramai generasi penghafaz Al-Quran yang akan lahir menyinari Bumi Darussalam ini," katanya lagi.



HADIR selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama (atas dan atas kiri).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Penyampaian hadiah bagi pemenang-pemenang bagi tempat keempat dan kelima ialah Dayang Thara' Wafirah binti Haji Mohammad Sharnizan dan Dayang Nur Sarah Basyirah binti Mohammad Fikri bagi Kategori 'A' manakala Kategori 'B' pula, Dayang Fifi Azirah binti Mohd. Arifin dan Dayang Ainaa Zunah Insyirah binti Haji Abdul Manap.

Sementara bagi Kategori 'C', pemenang keempat ialah Sheikh Muhammad Ameer Danish bin Sheikh Haji Muhammad Abdul Al-Amin dan 54515 SLD Mohammad Fahmi Izzuddin @ Haji Mohammad Farhan bin Begawan Mudim Haji Awang Tamim tempat kelima.

Pemenang keempat dan kelima bagi Kategori 'D' ialah Dayang Siti Hafizah Al-Haziqah binti Ariffin dan Dayang Ameerah Batrisya@ Sarah Huwaina binti Haji Amir Hisham serta Kategori 'E' ialah Awang Muhammad Adi Syazani @Muhammad Izz Raziq bin Sahari dan Dayangku Nur Fatim Wahidah binti Pengiran Muhd. Sallehin.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Pegawai Pemantau Zon 4, Pejabat Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar serta ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan KHEU serta ibu bapa peserta.

Pemakluman Keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H telah dimaklumkan oleh Pengurus Jemaah Hakim pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1446H.

Penganugerahan hadiah pemenang pertama, kedua dan ketiga telah berkenan dikurniakan dan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa majlis tersebut.

Majlis Khatam Al-Quran, penyampaian derma anak yatim



Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MADANG, Rabu, 19 Mac. - Sempena bulan Ramadan Al-Mubarak ini, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Masjid

SSBRPAD, Kampung Madang, Manggis, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin. Majlis dimulakan dengan



AHLI Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada salah seorang penerima (atas dan kiri).

bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai oleh peserta khatam seramai 41 peserta lelaki dan 20 peserta perempuan.

Bacaan Takhtim, Tahlil dan Doa Khatam dipimpin oleh Bilal Awang Razman bin Haji Ramli.

Majlis juga turut diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban

dan seterusnya bacaan Doa Selamat serta Doa Peliharakan Sultan yang dipimpin oleh Imam Masjid SSBRPAD, Kampung Madang / Manggis, Awang Muhammad Khairuzan bin Haji Kamsani.

Acara diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kepada seramai 16 anak yatim dari Kampung Madang, Kampung Manggis 1 dan Kampung Manggis

2. Selesai acara penyampaian derma, para tetamu yang hadir, peserta khatam dan anak-anak yatim dijemput untuk berbuka puasa dengan buah kurma sebaik sahaja telah masuk waktu berbuka dan azan Maghrib berkumandang.

Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diikuti dengan jamuan.



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

2 Lengkapkan Kelulusan (Departemen / pangkat servis subjek / beding kelulusan)

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Soalan / jawapan dan penyelesaian Perkhidmatan Awam / setiausaha ketua / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

4 Tandakar "✓" pada kotak semak "Jawatan Sebarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan".

5 Lengkapkan Maklumat (Tarikh / tempatnya dan perjalanan Perkhidmatan Awam / setiausaha ketua / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

2 Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn



Seluruh Wilayah
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I B.3 (BAHAGIAN II) UNIT AUDIT DALAMAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/MAR/03/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	3B(A)	29 MAC 2025
2. PENOLONG PENTADBIR C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) JABATAN-JABATAN KERAJAAN 2025/MAR/04/JJK	JABATAN PERKHIDMATAN AWAM	01	7 (A)	29 MAC 2025
3. ATENDAN E.1-2 EB.4 (BAHAGIAN V) JABATAN BELIA DAN SUKAN 2025/MAR/01/KBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	03	7 (A)	29 MAC 2025
4. PEMBANTU TEKNIK KANAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) PEJABAT DAERAH BELAIT 2025/MAR/02/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	7(A)	29 MAC 2025
5. PENOLONG PUSTAKAWAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) JABATAN MUFTI KERAJAAN 2025/MAR/03/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	29 MAC 2025
6. PENJADUAL C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN 2025/MAR/01/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	06	7(A)	31 MAC 2025

PERHATIAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DILAKUKAN DI BAWAH PERATURAN 7(1A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / MISC / CS / 001 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery, Installation, Testing & Commissioning of Digital Audio Conference System For Public Service Department

Bayaran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
25 Mac 2025.



Rujukan Tawaran:
JPA / 1.4 / A&S / TC / 001 / 2025

Tajuk Tawaran:
Two-Years Term Contract For Supply And Delivery Of Printer Toner / Catridge For Public Service Department

Bayaran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
25 Mac 2025.



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024-2025 / 55

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Pengawal Keselamatan (Security Guard Services) Di Galeri Kebudayaan Dan Pelancongan Kampong Ayer Bagi Tempoh Dua Tahun

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024-2025 / 56

Tajuk Tawaran:
Daily Cleaning Services For Kampong Ayer Cultural And Tourism Gallery

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
10 April 2025,
Jam 12.00 Petang.



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024-2025 / 45

Tajuk Tawaran:
Membekal, Menghantar Dan Memasang Mobile Compactor Filing System Di Jabatan Kemajuan Pelancongan

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
27 Mac 2025,
Jam 12.00 Tengah Hari.



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024 – 2025 / 51

Tajuk Tawaran:
Event Management Services For Arabian Travel Market 2025, Dubai, 28th April – 1st May 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
3 April 2025,
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 21 / 2024-2025

Keterangan:

Membekal Dan Menghantar Plak Bagi Majlis Penghargaan Pelajar-Pelajar Dan Guru-Guru Cemerlang, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, Tahun 1446H / 2024M

Bayaran

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:

Rabu,
25 Ramadan 1446H /
26 Mac 2025M,
tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari.



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2024-2025 / 55

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Pengawal Keselamatan (Security Guard Services) Di Galeri Kebudayaan Dan Pelancongan Kampong Ayer Bagi Tempoh Dua Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
27 Mac 2025,
Jam 12.00 Tengah Hari.



Pemohon-Pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:-

Jawatan :
Penolong Penyelia Putus Penyelidikan Luar

Tangga Gaji:
C.1-2 EB.3
[BND1,280 - BND2,270]

Kekosongan:
1 Orang

Menghadapkan Borang Permohonan
Bagi Pemohon Yang Tidak Berkhidmat Dengan Kerajaan

a) Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:
<https://tinyurl.com/PPPPL2025>

b) Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 8 April 2025.

Bagi Pemohon Yang Berkhidmat Dengan Kerajaan

a) Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
<https://tinyurl.com/PPPPL2025>

b) Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 8 April 2025.

c) Pemohon-pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan salinan asal dokumen-dokumen yang lengkap (melalui Ketua Jabatan) seperti berikut:

Satu (1) Laporan Sulit Salinan Prestasi bagi tempoh 3 tahun kebelakangan (sekurang-kurangnya sangat baik)

Satu (1) salinan rekod perkhidmatan yang telah dikemaskinikan

Kepada:

Pejabat Sumber Tenaga Manusia
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link,
Gadong BE1410
Negara Brunei Darussalam
[U.P: Bahagian Pengambilan]

d) Permohonan yang tidak lengkap, tidak mengikut tatacara yang ditetapkan dan lewat diterima tidak akan dilayan.

e) Hanya pemohon-pemohon yang disenaraipendek (**shortlisted**) sahaja akan dihubungi bagi urusan temu duga.



Malam yang lebih baik daripada seribu bulan



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita melafazkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita masih diberi peluang untuk bernafas dan bertemu lagi di bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan, keampunan dan rahmat. Sesungguhnya bulan Ramadan adalah antara bulan yang ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam kerana di bulan ini terdapat di dalamnya satu malam yang penuh dengan keberkatan, keistimewaan dan malam yang lebih baik daripada seribu bulan iaitu Lailatulqadar. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Telah datang kepada kamu bulan Ramadan bulan yang penuh

keberkatan. Allah Subhanahu Wata'ala telah mewajibkan ke atas kamu supaya berpuasa padanya. (Pada bulan itu) dibuka pintu-pintu langit dan ditutup pintu-pintu neraka serta dimasukkan ke dalamnya syaitan-syaitan. Di dalamnya ada satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan. Barang siapa yang tidak mendapatkan kebaikannya bererti ia telah benar-benar terhalang atau jauh daripada kebaikan."

(Hadis Riwayat An-Nasa'i)

Sesungguhnya Lailatulqadar adalah malam yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bahkan kurniaan ini tidak pernah diberikan kepada umat-umat yang sebelumnya. Antara sebab kenapa Lailatulqadar itu dikurniakan kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sahaja ialah kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah memikirkan tentang umur umat-umat dahulu yang panjang jika dibandingkan dengan keadaan umur umatnya yang pendek. Baginda sangat berduka cita kerana jika umat ini ingin berlumba dalam kesolehan dengan umat-umat yang dahulu maka mustahillah mereka dapat bersaing apatah lagi mengatasinya lantaran umur mereka yang pendek. Maka dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan malam yang penuh dengan keberkatan ini kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Ketahuilah, pada malam tersebut juga, Allah Subhanahu Wata'ala mengampunkan dosa hamba-hamba-Nya yang beribadah dengan penuh keimanan kerana mengharapkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, kita hendaklah memperbanyak dan melipatgandakan ibadah dan amal kebajikan bagi merebut kelebihan dan keuntungan yang tidak ternilai harganya itu. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang mengerjakan ibadah pada malam Lailatulqadar (mengisi dengan ibadah) kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala (hanya dari-Nya)

maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu dan barang siapa yang berpuasa Ramadan kerana iman kepada Allah dan mengharapkan pahala (hanya dari-Nya) maka akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu." (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Lailatulqadar itu tidak ditentukan saat dan waktunya kerana ia adalah perkara rahsia dan hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang Maha Mengetahui. Hikmahnya adalah supaya kita tekun berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk beribadah dan membuat amal kebajikan pada setiap malam di bulan Ramadan dan tidak akan hanya beribadah pada malam-malam yang tertentu sahaja.

Walau bagaimanapun, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjelaskan dalam hadis Baginda untuk mencari Lailatulqadar itu pada 10 hari yang terakhir di bulan Ramadan dan pada tiap-tiap malam yang ganjil. Daripada Abu Said Al-Khudri Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Hendaklah kamu cari ia (Lailatulqadar) itu pada 10 malam terakhir (bulan Ramadan) dan kamu cari ia pada tiap-tiap malam ganjil." (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Meskipun kita tidak dapat mengetahui secara pasti bilakah Lailatulqadar itu, namun terdapat banyak tanda-tanda yang dapat membantu kita untuk menentukannya sebagai Lailatulqadar. Sifat, rupa atau tanda-tanda Lailatulqadar bawaha ia merupakan satu malam yang berkeadaan sunyi seperti penuh ketenangan serta bercahaya. Suasana yang segar tidak panas dan tidak pula sejuk tetapi sederhana. Keadaan ini berterusan sehingga terbit fajar. Tanda-tanda yang lain ialah pada waktu pagi, matahari akan naik berwarna putih, tidak memancarkan cahaya atau sinar yang terik.

Oleh yang demikian, jika seseorang itu ditakdirkan bertemu dengan malam tersebut maka hendaklah dia memperbanyakkan doa dan memohon

keampunan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas segala dosa yang telah dilakukan. Ini jelas sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah Radiallahuanha katanya : "Aku pernah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Wahai Rasulullah! Bagaimana jika saya mengetahui akan malam Lailatulqadar itu dengan tepat, apakah doa yang patut saya baca? Baginda menjawab : Katakanlah olehmu :

Maksudnya : "Ya Allah! Sesungguhnya Engkau lauh yang mengurniakan keampunan terhadap dosa-dosaku. Engkau Maha Pengampun, maka ampunilah aku." (Hadis Riwayat Imam Terimi)

Dalam usaha kita untuk menghidupkan Lailatulqadar, sama-sama lah kita mencontohi dan mengamalkan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antaranya dengan berikrifat, memperbanyak sembahyang - sembahyang sunat, membaca Al-Quran, zikir, istighfar, doa, sedekah, membangunkan dan mengajak ahli keluarga untuk sama-sama melakukan amal ibadah.

Akhirnya, memandangkan betapa besarnya ganjaran Lailatulqadar itu, maka kita rebutlah peluang dengan meningkatkan lagi amal ibadah terutama sekali di 10 hari terakhir di bulan Ramadan. Mudah-mudahan segala amal ibadah dan amal kebajikan yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan ini diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusannya. Malam itu (penuh) kesejahteraan hingga terbit fajar." (Surah Al-Qadar, ayat 1-5)

SUMBANGAN DERMA RINGANKAN GOLONGAN MEMERLUKAN



Ihsan Berita dan Foto : Ihsan Alumni Pengambilan 1979 Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan / Sekolah Sains



YANG Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hadir pada Majlis Bertahlil dan Berbuka Puasa yang diadakan di Telanai Avenue dan seterusnya menyerahkan sumbangan kepada Timbalan Yang Dipertua Majlis Kebajikan Orang Berkebolehan Khas (MKOKU) dan Ahli Eksekutif Persatuan Orang-orang Berkerusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota (PAPDA) (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Sebanyak BND900 berupa wang tunai dan sumbangan barang telah disampaikan kepada Persatuan Orang-orang Berkerusi Roda dan Orang-orang Cacat Anggota (PAPDA) semasa Majlis Bertahlil dan Berbuka Puasa yang diadakan semalam di Telanai Avenue.

Hadir bagi menyerahkan sumbangan tersebut ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd. Riza bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus dan diserahkan kepada Timbalan Yang Dipertua Majlis Kebajikan Orang Berkebolehan Khas (MKOKU) dan Ahli Eksekutif PAPDA, Awang Haji Noor

Ishannuddin bin Haji Noor Kaseh. Sumbangan tersebut diungkayahkan oleh Alumni Pengambilan 1979 Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan / Sekolah Sains yang mana Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohd. Riza adalah salah seorang daripada alumni tersebut.

Turut hadir, Naib Presiden I

MKOKU dan Timbalan Pengurus PAPDA, Awang Haji Sahari bin Haji Tinggal, yang kemudiannya menyampaikan sijil penghargaan kepada alumni.

Majlis dimulakan dengan majlis bertahlil, diikuti dengan berbuka puasa di mana kira-kira 80 ahli PAPDA dan keluarga mereka telah dihoskan. Kempen derma itu merupakan sebahagian

daripada inisiatif tahunan alumni untuk menyokong golongan yang kurang bernasib baik.

Pada tahun-tahun sebelumnya, alumni juga memberikan sumbangan berupa kewangan dan barang seperti barang runcit kepada para penerima yang dikenal pasti melalui NGO dengan tujuan amal yang sama.

RAIH GANJARAN PAHALA DI BULAN RAMADAN



YANG Mulia Timbalan Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma kepada salah seorang penerima (atas dan atas kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. – Seramai sembilan anak yatim Kampung Tanjong Bunut menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Anak Yatim Kampung Tanjong Bunut yang diadakan lewat petang tadi di Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian

sumbangan derma berkenaan, Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, diikuti dengan penyampaian sumbangan derma anak yatim oleh tetamu kehormat majlis yang diselanjurkan dengan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis yang diungkayahkan oleh Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid berkenaan bertujuan bagi meraih redha Allah Subhanahu Wata'ala lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang mulia dengan ganjaran pahala berlipat ganda.

Selain itu, sumbangan derma berkenaan adalah juga dihasratkan untuk meringankan beban perbelanjaan, memudahkan urusan selain untuk menghiburkan anak-anak yatim pada bulan Ramadan serta menjelangnya Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba.



Menghidupkan, menyemarakkan bulan Ramadan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Doa Arwah dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim dan Golongan Asnaf Fakir Miskin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. – Bulan Ramadan adalah merupakan bulan yang penuh dengan keberkatan yang di dalamnya turun Al-Quran. Bulan di mana Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan rahmat, memberikan keampunan dan menjuruk jaminan pembebasan daripada api neraka.

Di bulan ini, Allah Subhanahu Wata'ala membentengi pergerakan syaitan, menutup menutup pintu neraka, membuka seluas-luas pintu surga.

Di samping itu, dilipatgandakan ganjaran pahala ke atas segala amal ibadah yang dikerjakan sehingga ribuan kali ganda.

Bagi meriah keberkatan dan sama-sama menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan yang mulia, Jawatankuasa Takmir Masjid (AJKT) Serdang hari ini menganjurkan Majlis Membaca Doa Arwah dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Sumbangan Derma Kepada Anak-anak Yatim dan Golongan Asnaf Fakir Miskin bersempena dengan bulan Ramadan bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri dan Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid, selaku Penaung Jawatankuasa Takmir Masjid.

Majlis berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, disusuli dengan bacaan Takhtim Al-Quran beramai-ramai oleh para peserta khatam, bacaan Doa Khatam dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam Masjid Serdang, Awang Haji Muhd. Syariff Waliyuddin bin Jemain.

Manakala, bacaan Doa Allah Peliharaan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Mohd. Khairul Azmy bin Haji Bakar.

Tetamu kehormat majlis seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada sembilan anak yatim dan 20 orang golongan asnaf yang terdiri daripada penduduk Kampung Sungai Belukut, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Matan.

Majlis Membaca Doa Arwah dan Khatam Al-Quran serta Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim dan Golongan Asnaf Fakir Miskin berkenaan adalah aktiviti takmir tahunan Masjid Serdang sempena bulan Ramadan bagi menghidupkan dan menyemarakkan bulan Ramadan yang mulia ini, di samping membantu meringankan beban golongan yang memerlukan khususnya menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Makmurkan masjid, galakkan amalan membaca Al-Quran



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadan yang diadakan di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Alishahrin Haji Mumin

JUNJONGAN, Jumaat, 21 Mac. – Kumpulan Bekas Penghuni-Penghuni Asrama Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (Ex-HBG) lewat petang tadi menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Bulan Ramadan, bertempat di Masjid As-Salaam, Kampung Junjongan, di sini.

Hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohammed, Ketua Kampung Putat.

Majlis khatam berkenaan turut

diserikan lagi dengan penyampaian wakaf daripada pihak Ex-HBG berupa 50 biji kerusi dan rehal Al-Quran untuk kegunaan jemaah Masjid As-Salaam.

Inisiatif tersebut adalah sebagai tanda sokongan kumpulan berkenaan dalam usaha memakmurkan masjid dan menggalakkan amalan membaca Al-Quran dalam kalangan masyarakat setempat.

Selain itu, Ex-HBG turut menghulurkan sumbangan berupa bantuan kewangan dan

barang keperluan asas kepada seramai 24 orang anak yatim yang menetap di Kampung Junjongan. Sumbangan berkenaan diharap dapat meringankan beban mereka khususnya dalam menyambut bulan Ramadan yang mulia ini.

Majlis seumpama ini merupakan kali ke-10 dianjurkan oleh Ex-HBG sejak penubuhannya pada tahun 2013.

Juga hadir, para isteri ahli kumpulan Ex-HBG, yang bersama-sama memeriahkan suasana dan menyemarakkan lagi amalan bersedekah dan beribadah di bulan yang penuh keampunan ini.

Projek Infak Kasih SA-Ramadan bantu keluarga kurang berkemampuan



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. - Bahagian Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya (JKR) menerusi Projek Infak Kasih SA-Ramadan telah mengagihkan sumbangan kepada lapan buah keluarga yang kurang berkemampuan di keempat-empat daerah, baru-baru ini.

Inisiatif projek berkenaan merupakan program tahunan mereka yang sebelumnya dikenali sebagai Infak Ramadan namun tujuannya adalah untuk sama-sama menyemarakkan semangat berkebajikan dalam kalangan warga jabatan lebih-lebih di bulan suci Al-Mubarak ini.

Pemangku Pereka Kanan,

PENGANJUR Projek Infak Kasih SA-Ramadan bergambar ramai bersama keluarga-keluarga yang menerima sumbangan (kiri dan kanan).

Awang Mohammad Aliff bin Haji Awang Madial, selaku penyelaras program menjelaskan, program berkenaan membuka peluang kepada kakitangan untuk sama-sama berganding bahu membantu golongan yang memerlukan sekali gus memupuk nilai-nilai murni dan keprihatinan terhadap masyarakat terutama sekali kepada yang memerlukan bantuan.

"Bantuan yang dihulurkan ini diharap dapat meringankan sedikit beban mereka dalam menjalani kehidupan sehari-hari terutamanya dalam menyambut bulan Ramadan yang mulia ini serta Hari Raya Aidilfitri nanti," katanya.



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Jabatan Perkhidmatan Teknikal,
Jabatan Kerja Raya

Projek Infak Kasih SA-Ramadan berkenaan bukan sahaja mencerminkan semangat gotong-royong dan keprihatinan sosial dalam kalangan warga JKR, malah menjadi wadah untuk memperkuuh ukhuwah dan semangat persaudaraan sesama Islam, khususnya di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

MAJLIS KEAGAMAAN PERKUKUHKAN UKHUWAH SESAMA WARGA UNISSA



SEKITAR Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Penutup Tadarus, Iftar Jama'ie (berbuka puasa beramai-ramai) dan Penyampaian Derma Anak Yatim Serta Penerima Bantuan Warga Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bertempat di Surau Al-Syafi'i, universiti berkenaan.

GADONG, Khamis, 20 Mac. - dan Takmir Surau, Pejabat Hal Ehwal Pelajar hari ini mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran,

Penutup Tadarus, Iftar Jama'ie (berbuka puasa beramai-ramai) dan Penyampaian Derma Anak

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Yatim Serta Penerima Bantuan Warga UNISSA bertempat di Surau Al-Syafi'i, universiti berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norfarhan bin Haji Zainal.

Juga hadir ialah Pemangku Timbalan Rektor, Penolong-penolong Rektor, pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa/i UNISSA.

Acara dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatiyah dipimpin oleh tetamu kehormat dan kemudian diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran.

Majlis adalah kesinambungan daripada Majlis Tadarus Al-Quran yang berjalan di sepanjang bulan Ramadan selepas sembahyang Fardu Zuhur yang melibatkan pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan

serta mahasiswa mahasiswa UNISSA.

Antara tujuan majlis adalah untuk memberi dorongan kepada warga UNISSA untuk melazimkan pembacaan Al-Quran di samping mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama warga UNISSA.

Seramai 22 orang anak yatim dan empat orang penerima bantuan daripada kalangan warga UNISSA menerima sumbangan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis kemudian diserikan dengan tazkirah khas bertema 'Akal Sihat Dengan Al-Qur'an' yang disampaikan oleh Dr. Muhammad Zakir bin Husain, Pensyarah Fakulti Usuluddin.

Majlis diakhiri dengan sembahyang Fardu Maghrib berjemaah dan Iftar Jama'ie iaitu berbuka puasa.

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

!

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

!

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemasini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemasini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

!

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak memepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.

KHEU TERUSKAN ROMBONGAN TADARUS AL-QURAN



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Tadarus yang berlangsung di Masjid Kampung Batu Apoi.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Khamis, 20 Mac. - Bulan Ramadan adalah bulan yang memiliki makna dan keistimewaan tersendiri bagi umat Islam di seluruh dunia.

Bulan Ramadan yang mulia lagi penuh keberkatan di mana umat Islam dianjurkan untuk memperbanyakkan lagi amal ibadah, membaca Al-Quran, berdoa dan melakukan amal kebajikan bagi meraih ganjaran pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) meneruskan lagi Majlis Tadarus bertempat di Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Turut hadir, Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Harris Hamdilah bin Haji Masri; Pejabat Ugama Daerah Temburong, KHEU; pengarah-pengarah, para pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU serta penduduk-penduduk kampung di sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid

Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong, Awang Muhammad Syahmi bin Haji Zaini.

Acara diteruskan dengan Tadarus Al-Quran dan disusuli dengan bacaan Tahil dan Doa Arwah dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong, Awang Haji Mohammad Salehuddin bin Haji Suhaimi.

Diikuti dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Imam Masjid Kampung Batu Apoi, Daerah Temburong, Awang Shamsuddin bin Haji Azahari.

Rombongan Tadarus pegawai dan kakitangan KHEU seterusnya akan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau pada Isnin, 24 Mac 2025.

Pekerja sosial memupuk kesejahteraan komuniti, perpaduan global



SESI bergambar ramai pada Pelancaran Hari Kerja Sosial Sedunia 2025 bertempat di Dewan Kuliah, Bangunan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Pusat Perubatan Jerudong Park

JERUDONG, Rabu, 19 Mac. - Pekerja sosial memainkan peranan yang amat penting dalam menyokong individu, keluarga, dan komuniti untuk mengatasi cabaran serta meningkatkan kesejahteraan mereka.

Para profesional berdedikasi ini bekerja dalam pelbagai bidang, menangani isu sosial, emosi, dan ekonomi yang dihadapi individu setiap hari.

Usaha gigih mereka mengingatkan kita tentang kuasa belas kasihan dan kerjasama dalam membina masyarakat yang lebih kuat dan berdaya tahan.

Perkara berkenaan antara yang ditekankan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan Am, Pusat

Perubatan Jerudong Park (JPMC), Dr. Muhd. Hiza Wardy bin Haji Abdul Halim semasa Pelancaran Hari Kerja Sosial Sedunia 2025 bertempat di Dewan Kuliah, Bangunan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), di sini.

Dr Muhd. Hiza Wardy dalam ucapan alu-aluannya turut menekankan bahawa perhimpunan bagi memperingati Hari Kerja Sosial Sedunia selaras dengan tema 2025, 'Memperkuuh Solidariti Antara Generasi untuk Kesejahteraan Berpanjangan'.

Jelasnya lagi, konsep kesejahteraan antara generasi menunjukkan bagaimana masyarakat dapat berkembang apabila setiap generasi saling

berhubung erat, menyokong keperluan satu sama lain, dan berkembang bersama sepanjang kehidupan.

Hari Kerja Sosial Sedunia 2025 dianjurkan oleh Jabatan Kerja Sosial Perubatan (MSW), JPMC, dengan menekankan peranan penting pekerja sosial dalam memupuk kesejahteraan komuniti dan perpaduan global.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan acara berkenaan, Ketua Pegawai Perubatan JPMC, Dr. Meera Sahib Kabeer.

Turut hadir ialah pasukan pengurusan kanan JPMC, ketua-ketua jabatan, kakitangan, pesakit dan penjaga.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh

Majlis Khatam Al-Quran anjuran PUJA



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Pertubuhan Ukur, Jurutera dan Arkitek (PUJA) Brunei hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Acara keagamaan itu adalah sebagai satu cara untuk mengukuhkan ikatan persahabatan dan perpaduan dalam kalangan ahli PUJA.

Majlis bermula dengan bacaan takhtim bagi menandakan selesai bacaan Al-Quran yang diketuai oleh Imam Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Haji Mohd. Ashraf bin Haji Bujang.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap di Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Mohammad Yusof.

Acara tahunan ini mencerminkan dedikasi PUJA Brunei kepada penglibatan agama selain memupuk rasa kesetiaan dalam kalangan ahli-ahlinya.

Acara juga telah dihadiri oleh ahli PUJA dan tetamu jemputan lain.

PUJA terus menegakkan tradisi menganjurkan aktiviti keagamaan dan profesional yang membawa ahli-ahlinya dalam semangat perpaduan dan tujuan berkongsi.

Ketua Guru Agama, Awang Haji Ishkandar bin Haji Buntar.

Acara turut diisikan dengan ceramah bertajuk 'Mengukuhkan Perpaduan Antara Generasi Untuk Kesejahteraan Yang Berkekalan' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Haji Awang Ismail.

Juga diadakan ialah pameran di lobi bangunan PJSC yang memaparkan aktiviti kerja sosial serta pihak berkepentingan MSW, dan menampilkan vendor makanan di bawah MSW, termasuk pesakit jemputan dan keluarga mereka, bersama para pemamer.

Hari Kerja Sosial Sedunia disambut di seluruh dunia pada Selasa ketiga bulan Mac setiap tahun, menyatakan para pekerja sosial untuk menyebarluaskan mesej bersama tentang belas kasihan, ketahanan, dan keterhubungan.

Tema bagi tahun 2025, 'Memperkuuh Solidariti Antara Generasi untuk Kesejahteraan

Berpanjangan', menekankan kepentingan merapatkan jurang generasi, memupuk pemahaman bersama, serta membina masa depan lestari dengan semua peringkat umur dapat berkembang bersama.

Hari Kerja Sosial Sedunia mempamerkan kekuatan sokongan komuniti, pemerkasaan, serta keterhubungan individu dalam mengatasi cabaran.

Sambutan berkenaan dibuka kepada orang ramai sehingga Jumaat ini, memberikan peluang kepada komuniti untuk berinteraksi dan mengetahui lebih lanjut mengenai kerja bermakna yang dijalankan.

Sambutan berkenaan menegaskan komitmen JPMC dalam memperkuuh nilai-nilai kerja sosial dan mempererat hubungan antara generasi bagi terus melindungi golongan yang memerlukan.

Acara berkenaan juga mengingatkan orang ramai untuk menghormati dedikasi para pekerja sosial serta ketabahan individu dan keluarga yang mereka bantu.

62 BELIA SERTAI PROGRAM NUR RAMADHAN 2.0 BELIA



Berita dan Foto : Ihsan Belia Al-Mujahideen

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. - Bersempena bulan Ramadan yang mubarak ini, Belia Imtiyaz bersama Nadi Al-Qawi Al-Amin, Kelab Fikrah dan pasukan Pengakap Kelana 1033 Terbuka Gadong telah mengadakan Program Nur Ramadhan 2.0 Belia Al-Mujahideen yang bermula pada hari ini hingga 23 Mac 2025.

Objektif utama program tersebut adalah untuk melatih belia berkeyakinan diri di khalayak

ramai, melahirkan rasa syukur atas nikmat hidup yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan dan mewujudkan suasana kemesraan dan beramal ibadah secara jamai'e serta memupuk rasa keperihatinan juga mengeratkan silaturahim antara para belia yang mengikuti program berkenaan.

Sehubungan itu, majlis perasmian program diadakan petang tadi di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah A dan hadir

PENOLONG Ra'es (Penyelidikan, Pengantarabangsaan dan Perkhidmatan) hadir selaku tetamu kehormat di program tersebut (kiri).

selaku tetamu kehormat bagi merasmikan program ialah Penolong Ra'es (Penyelidikan, Pengantarabangsaan dan Perkhidmatan), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Abang Hadzmin bin Abang Haji Taha.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja.

Program Nur Ramadhan 2.0 Belia Al-Mujahideen kali ini disertai oleh seramai 62 peserta terdiri daripada 32 lelaki dan 30 perempuan, bertujuan untuk membentuk belia ke arah ketakwaan dan mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala melalui aktiviti-aktiviti sukarelawan dan ibadah sepanjang bulan Ramadan.

ANTARA yang hadir di Program Nur Ramadhan 2.0 Belia Al-Mujahideen (kanan dan kanan atas).



Memperkuuh nilai keagamaan, semangat kebersamaan sepanjang bulan Ramadan



ANTARA ahli-ahli daripada Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSWNBD) yang hadir di Program-program Ramadan PSWNBD yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, di sini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. - Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSWNBD) terus menyemarakkan bulan Ramadan dengan mengadakan pelbagai program keagamaan dan kebajikan bagi memperkuuh ukhuwah serta menanamkan nilai-nilai keimanan dalam kalangan masyarakat.

Antara program yang telah dan akan dilaksanakan sepanjang bulan suci ini termasuklah Majlis Berbuka Puasa, sesi tazkirah mingguan, pengagihan pek berbuka puasa, serta program santunan kasih kepada golongan yang memerlukan.

Program-program Ramadan PSWNBD bermula pada Ahad, 9 Mac 2025 dengan acara

Santunan Kasih PSW, iaitu pengagihan pek sungai kepada keluarga yang memerlukan di Kampung Sibut, Temburong.

Manakala, tazkirah Ramadan minggu pertama, iaitu Husnul Khatimah telah berlangsung dan disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Noorizah binti Haji Abidin, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Antara inti pati tazkirah berkenaan adalah mengenai keadaan seseorang ketika menghadapi kematian, ciri-ciri Husnul Khatimah, pengukuhan Rukun Iman dan Rukun Islam, serta kepentingan meningkatkan ilmu khususnya dalam

mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara pada Ahad, 16 Mac 2025, juga diadakan tazkirah Ramadan minggu kedua dengan tajuk 'Ramadan : Semarak Cinta Al-Quran' yang disampaikan oleh Pegawai Istimbat, Jabatan Mufti Kerajaan, Dayang Hajah Norasikin binti Haji Abdul Majid, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Antara inti pati tazkirah berkenaan adalah mengenai kepentingan menjadikan Al-Quran sebagai pedoman hidup, memahami isi kandungannya, serta amalan Tadabbur dalam memperkuuh keimanan.

Manakala pada Khamis, 20 Mac 2025 diadakan Santunan Kasih PSW, Tazkirah, bacaan Tahlil dan berbuka puasa bersama penghuni

Siaran Akhbar dan Foto :
Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam

Kompleks Rumah Kebajikan (KRK), Kampung Belimbing, Subok.

Tazkirah bertajuk 'Hidup Dalam Ketakwaan' disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam. Antara inti pati tazkirah berkenaan adalah mengenai kepentingan hidup dalam ketakwaan sebagai asas kesejahteraan dunia dan akhirat.

Tazkirah menekankan kepentingan menjaga hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala (habluminallah) dan hubungan sesama manusia (habluminannas). Antara aspek yang diketengahkan termasuklah keikhlasan dalam ibadah, amalan istiqamah dalam kehidupan sehari-hari, serta sifat ihsan yang melahirkan peribadi mulia.

Sementara pada hari ini ialah acara Santunan Kasih PSW, iaitu pengagihan pek berbuka puasa di Kampung Benutan, Tutong.

Manakala pada Ahad, 23 Mac 2025, tazkirah Ramadan minggu ketiga akan diadakan dengan tajuk 'Ramadan : Bonding Bersama Keluarga' yang akan disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiyah (PDI), KHEU, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Abdul Rahman, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Sementara pada Khamis, 27 Mac 2025 pula akan diadakan Majlis Khatamul Quran PSWNBD dan Kumpulan Mari Membaca Al-Quran (MMQ) serta Santunan Kasih : Bingkisan Ramadan dan penyerahan sumbangan derma kepada 27 keluarga yang berkeperluan di Kawasan 2,

Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mentiri, bertempat di Dewan Serbaguna, Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Manakala pada Ahad, 30 Mac 2025 pula akan diadakan tazkirah Ramadan minggu keempat dengan membawakan tajuk 'Sebelum Ramadan Berlalu' yang akan disampaikan oleh Penolong Pensyarah, Pusat Pengajian Usul Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayang Pengiran Izzati binti Pengiran Haji Kasharan, bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Sementara masing-masing pada 14 Mac dan 20 Mac 2025 telah diadakan penyerahan Santunan Kasih : Bingkisan Ramadan (Shopping Vouchers) kepada tujuh peserta Projek Nuur Rezqi (ibu Tunggal Mandiri) PSW dan 12 keluarga yang memerlukan.

PSWNBD berharap agar program-program berkenaan dapat memberi manfaat kepada masyarakat dalam memperkuuh nilai-nilai keagamaan dan semangat kebersamaan sepanjang bulan yang penuh keberkatan ini.

Semoga usaha berkenaan mendapat keberkatan dan diterima sebagai amal soleh di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

PSW yang ditubuhkan pada 5 Februari 1990, adalah sebuah organisasi bukan kerajaan yang telah aktif selama 34 tahun dalam perkhidmatan masyarakat. Dengan keanggotaan yang terdiri daripada pakar profesional, PSW sentiasa menganjurkan program yang memberi impak dalam bidang pendidikan, kebajikan, dan pembangunan profesional.

MASJID AZ-ZAKIREEN ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

MERAGANG, Khamis, 20 Mac. - Peserta Tadarus Al-Quran yang mengikuti di Masjid Az-Zakireen, Kampung Meragang hari ini

meraikan seramai 95 peserta yang telah berjaya menamatkan pembacaan 30 Juz mereka.

Peserta yang terdiri daripada 50

lelaki dan 45 perempuan itu diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadan pada tahun ini yang merupakan julung kali diadakan dikendalikan oleh masjid berkenaan.

PEMANGKU Penghulu Mukim Serasa yang juga Ketua Kampung Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang dan selaku Penasihat 1 Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Az-Zakireen serta Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Meragang dan Penasihat 2 AJKT Masjid semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.

Hadir pada majlis tersebut, Pemangku Penghulu Mukim Serasa, Awang Mazlan bin Haji Jumat yang juga Ketua Kampung Kawasan 1 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang dan selaku Penasihat 1 Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Az-Zakireen serta Ketua Kampung Kawasan 2 RPN Kampung Meragang dan Penasihat 2 AJKT Masjid, Awang Mohammad bin Haji Tamim.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan

ayat-ayat suci Al-Quran bermula daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad diketuai oleh bilal masjid, Awang Muhd. Ali Ilham bin Haji Sujono yang juga memimpin Tahlih dan Doa Khatam.

Sementara Takhim pula dikepalai oleh imam masjid itu, Awang Haji Shahbirin bin Haji Md. Noor yang juga membacakan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Para peserta juga diberikan cendera hati dan setentunya penghargaan seumpama ini akan dapat menarik minat para penduduk untuk sentiasa berdamping dengan Al-Quran lebih-lebih lagi pada bulan pahala ini selain mengimarahkan aktiviti-aktiviti masjid. Majlis diteruskan dengan acara bersungai dan diikuti dengan menuaikan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut (atas dan kiri).

RB, Sabre Travel hulur sumbangan derma anak yatim



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KETUA Pegawai Eksekutif Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Derma Anak Yatim dan Menyungkaikan 1446 Hijrah dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma kepada para penerima (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Dalam mengambil berat terhadap golongan anak-anak yatim serta prihatin tentang kebajikan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) dengan kerjasama Sabre Travel Network Brunei petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian

Derma Anak Yatim dan Menyungkaikan 1446 Hijrah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Serambi Batil, Tarindak D'Seni, di sini ialah Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid.

Juga hadir, Pengurus Am Sabre

Travel Network Brunei, Awang Abdul Halim bin Haji Abdul Rahman, pihak pengurusan dan kakitangan RB serta Sabre Travel Network Brunei.

Pada majlis tersebut, seramai 41 anak yatim daripada 24 keluarga menerima sumbangan derma yang disampaikan oleh Ketua Pegawai

Eksekutif RB dan Pengurus Am Sabre Travel Network Brunei. Kesemua penerima adalah anak-anak bekas kakitangan RB yang telah meninggal dunia.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan Tahlih yang dipimpin oleh Awang Mohamad Alimin bin Haji Mokti dari RB, diikuti

dengan Majlis Berbuka Puasa.

RB berharap agar derma berkenaan dapat menjadi tanda penghormatan dan kenangan untuk keluarga mereka di samping untuk berkongsi kegembiraan bersama anak-anak yatim dalam sama-sama menyambut Aidilfitri yang akan tiba.

PENGAGIHAN KURNIA PERIBADI KEBAWAH DYMM DITERUSKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN,

Khamis, 20 Mac. - Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi diteruskan lagi di pusat-pusat pengagihan yang ditetapkan di tiga buah daerah hari ini hingga

22 Mac 2025.

Pusat-pusat pengagihan tersebut ialah di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, dan Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara; Dewan Pusat Insani Seria bagi Daerah Belait; dan Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong bagi Daerah Tutong.

Kerjasama padu daripada pihak-pihak yang terlibat melancarkan proses pengagihan kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada golongan tertentu di mana petugas-petugas yang diamanahkan membantu para penerima daripada proses awal ketibaan sehingga selesai.

Bagi memudahkan pengangkutan penerima ke lokasi, bas-bas pengangkutan disediakan seawal pukul 7.00 pagi lagi hingga selesai.

Para penerima diberikan pas pengenalan mengikut kategori masing-masing dan kemudian dibawa ke kaunter-kaunter penukaran kupon kepada wang tunai yang dikendalikan oleh Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan.

Kaunter-kaunter khusus *fast lane* juga disediakan bagi golongan warga emas dan juga Orang-orang Berkeperluan Khas. Bagi melancarkan lagi proses pengagihan, pihak syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi turut membantu dalam penyediaan sambungan internet dan juga peranti.

Pengurus Perhubungan Kerajaan, Hal Ehwal Korporat,



SUASANA pengagihan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Kepada Golongan Tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan bawah kanan),

Datastream Digital (DST), Dayangku Rimawaty binti Pengiran Dato Paduka Seri Haji Abidin semasa ditemui menjelaskan pada tahun ini, pihak Syarikat DST selaku Digital Partner, menyediakan kira-kira 120 peranti untuk kegunaan petugas-petugas dan juga kemudahan sambungan internet di pusat-pusat pengagihan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, Dewan Pusat Insani Seria bagi Daerah Belait; dan Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong bagi Daerah Tutong.

"Pihak DST setiap tahun terlibat

sama pada majlis pengurniaan kurnia peribadi ini sebagai salah sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat. Kami memastikan bahawa segala proses akan berjalan lancar dengan penyediaan peranti dan juga sambungan internet," ujarnya.

Dalam pada itu, para penerima juga diingatkan untuk membawa dan menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti kad pengenalan asli dan jika mewakili, hendaklah menyediakan surat wakil; salinan kad pengenalan penerima dan wakil atau salinan surat beranak serta salinan sijil-sijil yang berkenaan.



Kurnia peribadi Kebawah DYMM beri makna besar kepada penerima



AWANG Radzuan bin Abdullah (atas kiri), Chua Sui Kiang (atas tengah) dan Neo Yu Ching (atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Pemberian kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi golongan-

golongan tertentu jelas mencerminkan keprihatinan baginda yang sentiasa ingin melihat kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Golongan yang memerlukan bantuan ini sentiasa diberi perhatian sewajarnya ke arah meringankan beban hidup mereka lebih-lebih lagi dalam suasana menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti.

Dengan kurnia ini, setentunya memberi makna yang sangat berharga kepada rakyat dan penduduknya, khususnya golongan tertentu dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan Syawal, di samping untuk menampung perbelanjaan sehari-hari mereka dan juga bagi simpanan untuk kegunaan pada masa akan datang.

Beberapa orang penerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa ditemui di pusat-pusat pengagihan di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam dan juga Stadium Tertutup Kompleks Sukan

Negara Hassanal Bolkiah rata-rata melahirkan perasaan penuh kesyukuran atas pemberian kurnia tersebut yang sekali gus dapat membantu mereka menempuh hari-hari mendatang.

Awang Radzuan bin Abdullah, 79 tahun dari Kampung Rimba, salah seorang penerima bagi Orang-orang Berkeperluan Khas (OBK) menjelaskan ini merupakan kali kelima beliau menerima kurnia peribadi baginda.

"Saya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan kurnia peribadi ini yang mana akan dapat membantu dalam perbelanjaan harian saya dan keluarga terutamanya dalam menyambut Syawal nanti," ujar beliau yang ditemani oleh anak perempuannya pada pengurniaan kurnia peribadi yang bertempat di Dewan Canselor UBD.

Manakala bagi Dayang Laila Balqis binti Aedy Ratna dari Kampung Bunut yang ditemani oleh ibu beliau, juga menzhahirkan kesyukuran atas pengurniaan yang sangat bermakna ini.

"Dengan pemberian kurnia ini memang sukar digambarkan melalui kata-kata melainkan rasa syukur kerana mempunyai seorang raja yang prihatin. Kurnia ini akan dapat digunakan bagi rakyat dan penduduk yang berbelanja Hari Raya dan sehari-hari," jelasnya.

Seorang lagi penerima bagi anak yatim, Awang Muhammad Darwisy bin Hanafi, berusia 17 tahun dari Kampung Lambak Kanan juga menzhahirkan kegembiraannya dan merakamkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kemurahan hati baginda dalam pengurniaan kurnia peribadi baginda kepada golongan-golongan tertentu di negara ini.

"Alhamdulillah, saya menjunjung

setinggi-tinggi ucapan terima kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan yang sangat bermakna ini dan ia akan dapat digunakan bagi perbelanjaan semasa bulan Ramadan ini dan juga Hari Raya nanti," jelasnya yang turut menyatakan proses pengurniaan yang dilaksanakan cukup teratur dan efisien.

Turut menerima kurnia peribadi Kebawah DYMM pada tahun ini ialah Awang Muhammad Adib

Sufi bin Mohamad Samsul dari Muara Kem yang hadir ditemani ibu beliau, Dayang Siti Khadijah binti Ibrahim pada pengurniaan yang bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Awang Muhammad Adib Sufi, penerima di bawah OBK, pada masa ini menuntut di Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei, Muara dalam Tahun 3. "Terima kasih Sultan," ujarnya gembira menzhahirkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas pengurniaan kurnia peribadi Kebawah DYMM berkenaan.

Di samping untuk membantu perbelanjaan menjelang Hari Raya Aidilfitri nanti, pengurniaan kurnia peribadi baginda ini bukan hanya bagi rakyat dan penduduk yang beragama Islam sahaja, malahan mereka yang bukan beragama Islam juga tidak ketinggalan diberi perhatian yang sewajarnya.

Bagi seorang penerima, Chua Sui Kiang, 75 tahun dari Kampung Sungai Besar, beliau menyifatkan Kebawah DYMM sebagai seorang raja yang sangat pengasih dan prihatin terhadap rakyat baginda.

"Saya sangat bersyukur di atas pengurniaan kurnia peribadi daripada baginda sultan ini. Ia memberi makna yang besar bagi setiap penerima dan saya



AWANG Muhammad Adib Sufi bin Mohamad Samsul (atas kiri) dan Awang Muhammad Darwisy bin Hanafi (atas kanan).

menjunjung kasih atas kurnia ini," ujarnya yang merupakan kali ketiga menerima kurnia peribadi ini.

Beliau yang merupakan penerima di bawah OBK, juga mengongsikan sudah 10 tahun menggunakan kerusi roda disebabkan oleh masalah kesihatan yang dihadapinya sehingga menyebabkan kesukaran untuk berjalan.

Manakala seorang lagi penerima, Neo Yu Ching, 86 tahun juga menzhahirkan ucapan penghargaan dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM di atas pengurniaan kurnia peribadi baginda ini. Kurnia ini tambahan akan dapat digunakan bagi perbelanjaan harian beliau dan keluarganya.

Sesungguhnya, rakyat dan penduduk di negara ini berasa bersyukur kerana mempunyai seorang raja yang pemedulian dan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan dan kesejahteraan golongan yang memerlukan bantuan. Kurnia ikhlas daripada raja yang sangat dikasihi setentunya akan menjadi ristaan manis sepanjang hayat bagi para penerima.



DAYANG Laila Balqis binti Aedy Ratna bersama ibu beliau.

BSJV KONGSI REZEKI BERSAMA 38 ANAK YATIM



SALAH seorang penerima sumbangan daripada Dana Anak Yatim Usaha BSJV. (atas) Sementara gambar kanan, antara yang hadir di majlis tersebut.

Oleh: Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Brunei Shell Petroleum

SERIA, Khamis, 20 Mac. - Seramai 38 anak yatim daripada 20 keluarga menerima sumbangan daripada Brunei Shell Joint Venture (BSJV).

Majlis penyampaian sumbangan derma tersebut berlangsung di Brunei Shell Recreation Club (BSRC), baru-baru ini.

Dana Anak Yatim Usaha BSJV yang mana anak-anak yatim terdiri daripada anak-anak kakitangan BSJV yang telah kembali ke rahmatullah.

100 peratus daripada sumbangan kepada Tabung Anak Yatim BSJV

adalah daripada kakitangan BSJV, dengan jumlah sumbangan kakitangan sebanyak BND7,600 yang diserahkan kepada anak-anak yatim tahun ini.

Hadir pada majlis tersebut mewakili Brunei Shell Petroleum (BSP), Pengarah Urusan BSP, Johan Atema juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Sosial; dan Pengurus Korporat BSP, Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Awang Bakar.

Mewakili bagi Brunei LNG (BLNG), Pengurus Aset BLNG,



Awang Haji Zalani bin Haji Lalim; Ketua Kejuruteraan Instrumen BLNG, Harry Kok Voon Lee; dan Ketua Kejuruteraan Elektrik BLNG, Awang Mohamad Rozaini bin Manap.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Tahliil dan Doa oleh Kaunselor Pembimbing BSP, Awang Najmuddin bin Haji Mohd. Said.

Sumbangan derma tersebut dapat membantu mengukir senyuman anak-anak yatim pada bulan Ramadan dalam mempersiapkan diri mereka meraikan bulan Syawal tidak lama lagi.

Keropok khinzir didapati di restoran bersijil halal

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Mac. - Satu operasi pemantauan telah dijalankan baru-baru ini ke atas restoran-restoran bersijil halal di kawasan Gadong bagi memastikan pematuhan terhadap syarat dan kehendak Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005.

Sebanyak lima buah restoran telah diperiksa dan hasil pemeriksaan mendapati salah sebuah restoran di kawasan Kiarong, iaitu Mama Wong Restaurant and Takeaway, tidak mematuhi syarat dan kehendak pensijilan halal kerana terdapat produk makanan tidak halal di restoran tersebut.

Semasa pemeriksaan, Pegawai-pegawai Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) telah menjumpai sebungkus keropok jenama 'Special Pork Chicaron San Miguel Bulacan' di dalam dapur restoran. Produk ini diperbuat daripada khinzir, sebagai mana yang tertera pada bungkusan.

Sebagai pemegang Sijil Halal adalah wajib untuk tidak membawa masuk makanan atau minuman yang tidak halal atau yang diragui kehalalannya ke dalam tempat perniagaan.

Dengan pelanggaran terhadap syarat ini, kes ini akan disiasat di bawah Bab 37 Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, atas kegagalan mematuhi syarat-syarat Sijil Halal, yang boleh dikenakan hukuman denda sehingga BND8,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Sijil Halal dan Sijil Tauliah Penyelia Halal restoran tersebut telah dibatalkan serta-merta berkuat kuasa pada 12 Mac 2025. Produk terbabit juga dirampas untuk siasatan lanjut.

JHES, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menasihatkan semua pengusaha makanan di negara ini yang memiliki Sijil Halal atau permit halal agar sentiasa mematuhi kehendak dan syarat yang ditetapkan di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh dikenakan tindakan undang-undang, termasuk pembatalan Sijil Halal serta-merta.

Bagi melindungi kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, KHEU melalui JHES akan sentiasa berusaha memastikan pelaksanaan pensijilan halal dan pengawalannya di negara ini berjalan selaras dengan kehendak undang-undang dan juga syarak.

Bahagian Kawalan Makanan Halal di jabatan ini akan sentiasa menjalankan operasi rondaan dan pemantauan dari semasa ke semasa untuk memastikan tiada sebarang pelanggaran berlaku khasnya dalam kalangan pemegang-pemegang Sijil Halal dan permit halal.



KEROPOK jenama 'Special Pork Chicaron San Miguel Bulacan' didapati diperbuat daripada khinzir.

Sistem Aluan melancarkan pengurusan pengagihan kurnia peribadi

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani



KETUA Urus Setia Sistem Aluan, Awang Md. Arif Firdaus Al-Zakirin bin Dato Paduka Awang Othman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. – Pengurusan Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Dengan adanya sistem ini akan memudahkan lagi petugas-

petugas untuk mendaftarkan

dan melancarkan lagi pengagihan

kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar ia dilaksanakan secara bersistematik, teratur, dan efektif," ujarnya semasa ditemui pada Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada golongan tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446H / 2025M di Istana Nurul Iman.

Turut dikongsikan antara cabaran yang dihadapi tahun ini dalam peningkatan jumlah penerima di Istana Nurul Iman berbanding tahun lepas.

"Pada tahun ini, sebanyak 20 meja dibuka untuk pendaftaran bagi 2,000 penerima kurnia peribadi Kebawah DYMM di Istana Nurul Iman. Para petugas berdepan cabaran untuk mengatasi

pengurusan pendaftaran bagi para penerima dalam tempoh masa yang diberikan," katanya lagi.

Tambahnya, bermula dari awal pendaftaran dan kemudian majlis dilaksanakan, sehingga berakhir dengan pengagihan kurnia, diuruskan mengikut Sistem Aluan.

Berbanding dengan tahun lalu katanya, salah satu penambahbaikan yang dilaksanakan adalah melalui pengesahan penerima.

Beliau menjelaskan, langkah pertama adalah pengesahan maklumat penerima di mana penerima-penerima telah dihubungi terlebih dahulu sebelum dihubungi lagi untuk hadir ke pusat-pusat pengagihan yang ditetapkan.

Sementara itu katanya lagi, berhubung dengan penerima yang tidak dapat dihubungi, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) masih mengusahakan untuk menghubungi mereka selain mendapatkan bantuan daripada pihak Ketua-ketua Kampung atau agensi-agensi yang didaftarkan.

Melalui kerjasama para petugas dan semua pihak yang terlibat, dengan pelaksanaan sistem berkenaan diharap akan mencapai objektif yang telah diharatkannya.

Ketua Urus Setia Sistem Aluan,

KURNIA PERIBADI MEMBANTU DALAM KEPERLUAN HARIAN



AWANG Muhsin Akmal bin Abdullah Alif Qayyum, 11 tahun semasa ditemu bual.

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membawa erti yang amat besar kepada rakyat dan penduduk, khususnya mereka yang memerlukan, dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.

Majlis berkenaan merupakan salah satu lambang keprihatinan dan kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam membantu rakyat dan penduduk baginda yang memerlukan, khususnya golongan anak-anak yatim, Orang-orang Kelainan Upaya (OKU), warga emas dan mereka yang tersenarai di bawah Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB).

Pelita Brunei berkesempatan membuat pendekatan bersama beberapa penerima pada Majlis Penyampaian Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada golongan tertentu bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung pagi tadi di Istana Nurul Iman, di sini.

Dayang Masni binti Haji Tamin, 62 tahun, adalah antara penerima yang berkesempatan menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Menurut beliau, ini merupakan kali kedua beliau menerima kurnia berkenaan dan buat pertama kalinya menjelaskan kaki ke Istana Nurul Iman.

"Syukur Alhamdulillah atas kurnia ini yang amat bermakna bagi perbelanjaan dan keperluan kami sekeluarga.

Kami berasa sangat beruntung kerana mempunyai seorang raja yang amat prihatin serta bermurah hati dalam membantu rakyat dan penduduk baginda," jelas beliau lagi.

Sementara itu, Awang Muhsin Akmal bin Abdullah Alif Qayyum, 11 tahun, yang juga merupakan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

penerima kurnia peribadi baginda sultan, meluahkan rasa syukur dan kegembiraannya.

Beliau yang kini menetap di Kampung Junjongan, tergolong dalam kalangan anak-anak yatim yang menerima sumbangan.

"Alhamdulillah, saya berasa sangat gembira menerima kurnia daripada Kebawah DYMM. Saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran atas kemurahan hati baginda," tambah beliau lagi.

Turut berkongsi rasa syukur, Dayang Dewi Mulyati binti Talam dari Kampung Salar yang tersenarai di bawah golongan BKB.

Menurut beliau, kurnia peribadi berkenaan sangat membantu dalam keperluan hariannya.

"Kebawah DYMM merupakan seorang raja yang sangat penyayang,

sentiasa mengambil berat dan tidak lupa kepada rakyat yang memerlukan bantuan.

Saya merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda sentiasa sihat walafiat dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam," ujarnya lagi.

Majlis penyampaian seperti ini merupakan salah satu manifestasi kasih sayang dan perhatian Kebawah DYMM terhadap rakyat baginda, mencerminkan betapa tinggi nilai keprihatinan serta keinsanan baginda sebagai raja yang adil dan penyayang.

DAYANG Dewi Mulyati binti Talam dari Kampung Salar (kiri), dan **Dayang** Masni binti Haji Tamin (kanan) semasa ditemu bual.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Mac. - Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberi makna yang sangat berharga kepada rakyat dan penduduknya khususnya golongan tertentu dalam membuat persiapan



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun

Pengguna Bijak

Penerima kurnia peribadi merafakkan rasa syukur, terharu

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Azmah Haji Ahad



DAYANG anak Maillow anak-anaknya. Jennifer bersama

mendoakan semoga baginda dilanjutkan usia yang panjang dan baginda serta kerabat diraja yang lain akan sentiasa diberikan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Pengurniaan peribadi ini juga berupaya untuk menampung perbelanjaan sehari-hari mereka selain daripada sebagai simpanan untuk masa hadapan.

Bagi penerima golongan Orang Berkeperluan Khas (OBK), Awang Muhammad Waqiuuddin bin Muhammad Masreman, 10 tahun, turut berasa gembira dan terharu atas penganugerahan kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini.

Sejak menerima kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini, Awang Muhammad Waqiuuddin bersyukur dengan adanya



DAYANG Doriah binti Awang Bakar semasa ditemu bual.

rezeki di bulan Ramadan dan bakal menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi dan menggunakan sebaik mungkin untuk masa hadapan.

Manakala bagi Awang Mohd. Ramzy Hizami bin Haji Jassrie, 25 tahun, pula turut melahirkan rasa syukur atas kurnia peribadi berkenaan. Beliau yang menetap di Kampung Sungai Bakong itu seterusnya berkata, akan membelanjakan kurnia peribadi yang penting sahaja dan

BELAIT, Rabu, 19 Mac. - Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberi makna yang sangat berharga kepada rakyat dan penduduknya khususnya golongan tertentu dalam membuat persiapan



Awang Mohd. Ramzy Hizami bin Haji Jassrie (kiri) dan **Awang** Muhammad Waqiuuddin bin Muhammad Masreman, 10 tahun (kanan).

seterusnya menyimpan selebihnya untuk digunakan membuka perniagaan kecil sahaja.

Sementara Dayang Doriah binti Awang Bakar, 57 tahun dari Kampung

Panaga Seria berhasrat kurnia tersebut akan disimpan bagi menampung perbelanjaan harian dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri bakal menjelang nanti dan setentunya dapat meringankan beban, terutama mereka yang memerlukan bantuan.

Dayang Jennifer anak Maillow dari Kampung Lumut Seria seterusnya mengongsikan kedua-dua anaknya, Alexander, 19 tahun dan Jonathan Junior, 7 tahun telah menerima kurnia peribadi ini untuk kedua kalinya.

"Dengan adanya bantuan ini dapat menampung meringankan perbelanjaan harian kami sekeluarga dan anak-anak dan selain itu juga dapat membantu keperluan persekolahan untuk anak-anak saya," ujar beliau lagi.

KURNIA PERIBADI RINGANKAN PERBELANJAAN MENJELANG HARI RAYA

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



DARI kiri.. Awang Jamain bin Yusof, Awang Khairulddin bin Mudin, Awang Md. Haiqbal bin Md. Jailani.

TUTONG, Rabu, 19 Mac. - Sudah menjadi kelaziman, setiap tahun, beberapa individu yang terpilih akan menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di mana pada tahun ini merupakan kali ke-16 ia diadakan yang sememangnya bertujuan untuk membantu meringankan beban golongan-golongan tertentu di negara ini.

Golongan yang menerima kurnia peribadi berkenaan terdiri daripada orang-orang berkeperluan khas, anak-anak yatim, fakir miskin dan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan bagi membantu golongan ini meraikan hari kemenangan dengan penuh rasa kegembiraan dan kecukupan.

Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini memberi makna yang sangat berharga kepada rakyat dan

penduduknya, khususnya golongan tertentu dalam membuat persiapan bagi menyambut kedatangan Syawal, di samping pemberian kurnia peribadi ini juga berupaya untuk menampung perbelanjaan sehari-hari mereka, selain daripada sebagai simpanan untuk kegunaan yang lainnya.

Demikian dinyatakan oleh salah seorang penduduk dari Kampung Kupang, Awang Khairulddin bin Mudin yang terpilih menerima kurnia peribadi baginda di bawah golongan fakir miskin ketika ditemui pada Majlis Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan menjelangnya Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong, hari ini.

"Alhamdulillah, saya dan keluarga bersama sangat bersyukur di atas pengurniaan kurnia ini yang setentunya dapat meringankan beban kami sekeluarga terutama dalam menjelangnya Hari Raya Aidilfitri dan menyimpan selebihnya untuk kegunaan masa hadapan," ujar bapa kepada tiga orang anak

itu.

Sementara itu, penerima di bawah Kategori Orang Berkeperluan Khas (OBK), Dayang Siti Katizah binti Awang Kamal yang mewakili anaknya, Dayang Nur Aralyn Arisya binti Mohd. Zultain Azwani Faidatullah dari Kampung Sengkarai menjelaskan, tahun ini merupakan kali pertama anak beliau menerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Dayang Siti Katizah dalam pada itu, turut menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM kerana mengambil berat tentang golongan-golongan tertentu khususnya golongan OBK, anak-anak yatim dan sebagainya.

Seorang lagi penerima di bawah Kategori OBK, Awang Jamain bin Yusof seterusnya mengongsikan bahawa kurnia berkenaan akan digunakan untuk kegunaan peribadi dan perbelanjaan menjelang Hari Raya yang akan tiba nanti.

"Setentunya, kita di bumi Brunei Darussalam ini amat bertuah dengan adanya seorang raja yang dermawan yang sentiasa memeduli kebajikan rakyat dan penduduknya, serta kurnia baginda itu juga diberikan kepada mereka yang berlainan agama dan



DAYANG Nur Aralyn Arisya binti Mohd. Zultain Azwani Faidatullah bersama ibunya.

bangsa," tambahnya.

Manakala bagi Awang Md. Haiqbal bin Jailani, seorang penerima di bawah Kategori Anak Yatim yang berasal dari Kampung Bukit, kurnia berkenaan akan digunakan untuk perbelanjaan Hari Raya dan juga keperluan-keperluan harian yang lain selain tidak lupa untuk menyimpan sebahagiannya bagi kegunaan masa hadapan. Selain itu, beliau juga turut melahirkan rasa bersyukur dan menjunjung kasih atas pengurniaan peribadi baginda itu.

Kurnia peribadi anugerah rezeki tiada terhingga

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman



DAYANG Noraini binti Awang Gaip bersama anaknya (atas) dan Awang Haji Md. Salleh bin Haji Pudin (bawah).

TEMBURONG, Rabu, 19 Mac. - Kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

"Kami merafakkan sembah dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan tersebut.

"Kami merafakkan sembah dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga baginda dipanjangkan usia dan kekal karar memerintah negara dalam keadaan harmoni dan berbahagia bersama kerabat diraja yang lain."

Dayang Noraini binti Awang Gaip yang menemani anaknya, Awang Fairul Noriz Alifallah bin Mohamad Alhafiz dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie berasa sangat bersyukur atas pengurniaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berikan dan ia amat besar nilainya dalam memenuhi keperluan anaknya.

Katanya, dengan adanya kurnia

berkenaan akan dibelanjakan dengan sebaiknya demi kegunaan harian anak dan persediaan Aidilfitri ini nanti.

Sementara dua rakan baik remaja perempuan berusia 15 tahun iaitu Dayang Aiena Mawarni binti Abdullah dan Dayang Siti Zulaikha Nazurah binti Abdul Razak menyatakan, dengan adanya kurnia yang diterima itu seharusnya digunakan kepada keperluan diutamakan berbanding daripada kemauan.

Sehubungan itu, para penerima kurnia peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun ini merafakkan dan menzahirkan penghargaan serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan tersebut.

Meskipun pengurniaan peribadi Kebawah DYMM sempena Hari Raya Aidilfitri, namun mereka yang bukan beragama Islam tidak terpinggir malah turut sama menerima kurnia tersebut.

Bagi Dayang Sena Anak Dom, 50, bersama anaknya Kenddy Anthony, 25, menyifatkan Kebawah DYMM seorang raja yang sangat pemelulian dan saksama dalam memelihara kebajikan tanpa mengira bangsa dan agama.

Katanya, mereka tidak berasa terpinggir malah mereka bersyukur dengan adanya seorang pemimpin yang begitu ambil berat akan kebajikan rakyat dan penduduknya dan ini jelas terbukti menerusi pengurniaan seumpama ini.

Pengurniaan yang diterima ini menurut Awang Haji Md. Salleh bin Haji Pudin akan dimanfaatkan sebaik-baiknya iaitu dibelanjakan secara berhemat dan jangan boros menurut hawa nafsu.

Warga emas berusia 76 tahun dari Kampung Sumbatang, Jalan Bukok Temada itu juga menyatakan, merancang perbelanjaan dengan

bijak lebih-lebih lagi bakal menyambut Aidilfitri dan seeloknya menabung demi kegunaan bagi keperluan bila-bila masa.

Sementara Dayang Hajah Patimah binti Alias, 72, kurnia peribadi Kebawah DYMM itu bukan dinilai pada jumlahnya akan tetapi kepada hati seorang raja yang kasih dengan mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduknya.

Beliau yang ditemani anak perempuannya berasal dari Kampung Negalang Ering seterusnya berkata, peribadi Kebawah DYMM dengan sifat dermawan itu membuatkan baginda dekat dengan seluruh lapisan rakyat dan penduduk dan itulah yang membuatkan rakyat jelata sentiasa sayang dan mendoakan agar raja kesayangan itu dikurniakan kesihatan berterusan, umur yang panjang serta sentiasa mendapat kebahagiaan yang berterusan



DAYANG Hajah Patimah binti Alias berusia 72 tahun semasa ditemu bual.

bersama kerabat diraja baginda.


Setentunya kurnia peribadi Kebawah DYMM ini memberikan impak kegembiraan kepada golongan tertentu ini agar mereka sedikit sebanyak menikmati dalam suasana ceria semasa meraikan Aidilfitri dan mungkin juga mereka mempergunakan kepada yang utama terlebih dahulu seperti melunaskan hutang selain keperluan harian lainnya. Semoga adanya kurnia itu juga diharap dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.



DAYANG Sena Anak Dom bersama anaknya.



DAYANG Aiena Mawarni binti Abdullah dan Dayang Siti Zulaikha Nazurah binti Abdul Razak.



“Amanah Terindah”

Oleh : Dian Bunga
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

AKU terima nikahnya, Dayangku Lailatul Zahirah binti Pengiran Shah dengan mas kahwinnya, tiga ratus ringgit, tunai."

Setelah akad itu dilafaz, berpindahlah sebuah tanggungjawab seorang wali kepadaku, yang mana bersaksikan saksi dan jemputan yang datang, juga memberi maksud yang aku sudah bersumpah akan menjaga dan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pelindung, suami kepada pilihanku sejak dari zaman universiti lagi.

Sejak beristeri, aku merasa bahagia. Aku adalah anak yatim piatu dariku berumur dua belas tahun dan dibesarkan oleh Pak Haji Zain, satu-satunya adik dan keluarga kepada arwah ayah. Arwah ibuku pula adalah anak tunggal dan seorang mualaf berketurunan Cina, menyebabkan aku sendiri tidak tahu salasilah keluarga ibu. Pak Haji Zain pula telah meninggalkan aku ketika aku berumur dua puluh tahun.

Kehidupanku yang muram berubah seratus lapan puluh darjah setelah berjumpa Laila, figura yang banyak mengajarku erti hidup dan bahagia. Setelah kami berkahwin, hidupku semakin berseri. Pagiku dimulakan dengan sembahyang berjemaah bersama Laila, disediakan sarapan pagi dan bekal untukku bekerja dan rutinku adalah menghantar Laila ke pejabat dan mengambilnya pulang. Aku tidak pernah menghalang Laila daripada bekerja kerana aku tahu ayah dan ibu kepada Laila setentunya tidak mahu Laila mensia-siakan bakat yang sedia ada pada dirinya. Hari-hari kami selalu terpenuhi dengan pekerjaan dan masa bersama, menjadikan kami selesa dengan situasi kami. Laila seorang yang rajin, tidak pernah mengenal lelah, sangat mengutamakan aku sebagai suami dan tidak pernah lupa kepada ibu bapanya. Laila juga seorang yang rajin dalam bersedekah secara diam dan merupakan guru mengaji di hujung minggu. Aku berasa sungguh bahagia dan beruntung beristerikan Laila.

Setelah enam tahun berkahwin, Laila menyuarakan hasrat Laila untuk mempunyai anak kepadaku. Topik ini selalu terlintas di fikiranku tetapi tidak pernah ku suarakan kepada isteriku kerana aku tidak mahu memaksanya dan membebangkan fikirannya. Lagipun, menjadi ibu adalah sesuatu pengorbanan. Tubuhnya, hidupnya dan dirinya akan berubah dan Laila akan tidak selesa dengan perubahan itu. Aku terkejut dengan hasratnya tetapi tersenyum kerana aku merasa kehidupan kami berdua mungkin

akan lebih bermakna dengan kehadiran si kecil. "Okay, abang setuju. Tapi Laila mesti bahagi rata kasih sayang Laila di antara abang dan anak kita nanti okay? No share-share." "Macam-macam lah abang ni, sudah tentulah Laila akan sayang abang sampai bila-bila. Hingga akhir waktu, macam janji kita, kan?" Aku tersenyum puas kerana dapat berjenaka dengan Laila dan syukur Laila akhirnya melahirkan zuriat kami.

Keesokan harinya aku dan Laila pergi ke hospital swasta bagi pemeriksaan kesihatan. Seram sejuk rasanya menunggu untuk nama kami berdua dipanggil setelah selesai prosedur pemeriksaan. "Tuan Azreil dan Puan Laila, bilik tujuh." Kedengaran suara jururawat memanggil kami berdua. Kami lantas bangun dari tempat menunggu dan beredar ke bilik tujuh. Doktor tersebut menyapa kami dan mempersilakan kami untuk duduk. Aku berasa gusar melihat riak wajah doktor tersebut tetapi tidak berani memulakan percakapan. "Tuan Azreil, Puan Laila, pertama sekali saya ingin memaklumkan bahawa Tuan dan Puan tidak akan dapat mengandung lagi sekarang." Aku dan Laila terdiam dan sedih.

"Ini adalah kerana Puan Laila telah pun mengandung tiga minggu." Riak wajahku yang tadi sedih berubah menjadi gembira. Mataku berkaca-kaca dan tidak henti mengucapkan syukur. Geram pula hatiku dengan doktor yang satu ini. Tapi aku tersenyum kerana dia mungkin ingin memberi kejutan kepada kami berdua. Doktor itu mengucapkan tahniah dan menulis preskripsi ubat-ubatan dan menyampaikan apa yang Laila dan aku dapat lakukan untuk memastikan perjalanan dan kandungan Laila untuk terjaga dan selamat. Kami beredar ke kereta dengan senyuman tanpa henti. Aku memeluk Laila dan mencium tangannya tanpa henti dan berterima kasih pada Laila.

Hari demi hari, perut Laila pun semakin membesar dan Laila pun sudah mengambil cuti dari pejabat untuk berehat dan memastikan barang-barang bakal anak kami cukup dan lengkap. Tiba hari yang dinantikan, kami pun ke hospital membawa perlengkapan. Aku berusaha keras menyediakan semua kelengkapan Laila dan bakal anak kami. Aku memesan wad persendirian supaya Laila lebih selesa setelah melahirkan. Ketika menghantar Laila ke bilik persalinan, Laila kelihatan sangat lemah. Aku tidak melepaskan genggaman tanganku daripadanya. Laila berasa gusar dengan keadaan anak kami. Aku menasihatinya supaya banyak bersangka baik dan berselawat.

"Tuan Azreil, tuan boleh masuk ke dalam," jururawat yang bertugas memanggilku setelah setengah jam berlalu. Aku meluru masuk ke bilik persalinan dan sejurus aku tiba, aku melihat kepala bayiku sudah keluar separuh dari badan isteriku yang kecil molek. Aku bergegas memberi sokongan moral sambil mengelap peluh dingin di dah Laila sambil memberi kata-kata semangat. Dengan beberapa kali teran, aku dan Laila rasmi menjadi ibu dan ayah kepada anak kami, Nur Ezzatul Wardina Muhammad Azreil. Alhamdulillah. Keluar air mata lelakiku bila aku melaungkan azan dan iqamat di telinga bayi kami. Aku juga tidak lupa mengecup dah isteriku dan berterima kasih. Akan tetapi, genggaman Laila lama-lama semakin lemah. Aku menjadi panik dan bidan pun memanggil doktor yang bertugas. Tiba-tiba Laila pitam dan tidak respons kepada panggilanku. Si kecilku diambil oleh jururawat yang ada dan aku disuruh keluar sementara doktor mencuba untuk memberi CPR kepada isteriku. Ternyata isteriku kehilangan banyak darah dan mengalami komplikasi.

Aku hanya mampu berdoa semoga Laila dan cahaya mata kami selamat dan sihat. Tiba-tiba, keluar doktor dari bilik persalinan dengan wajah sugul. "Tuan Azreil, we have done our best. We are so sorry that we could not saved Puan Laila. She has lost too much blood during the sudden complication, Tuan. Kami harap tuan reda dengan pemergian isteri tuan. Takziah."

Aku terduduk di lantai. Semua ini ku harap hanya mimpi burukku. Aku menggil dan mataku mulai berkaca-kaca. Tidak mungkin. Semua ini berlalu sangat pantas. Aku dipanggil ke dalam untuk melihat keadaan isteriku. Aku hanya terpana di pintu wad melihat sekujur tubuh di atas katil, kaku dan putus dengan mata tertutup rapi. Aku meraung dan mencium pipi Laila. "Sayang kenapa tinggalkan abang sayang... Bagaimanakah abang menghadapi hari-hari seterusnya tanpa sayang.. Mengapa sayang? Mengapa setelah keluarga kita lengkap, Allah ambil Laila dari abang?" Raungku tanpa menghiraukan sekeliling. Tanpa ku sedar, ibu dan bapa mertuaku telah tiba di hospital dan terduduk melihat keadaan kami ketika itu. Aku ditenangkan oleh kerabat dan kawan-kawan kami yang mungkin sudah mendengar khabar duka ini.

Selesai pengebumian Laila, aku membawa Ezza, anak kami, pulang ke rumah. Melangkah berat ke dalam bilik cahaya mataku yang aku dan Laila telah hias dan sediakan, hatiku merasa hiba. Kosong.

Aku berasa sungguh kesunyian dan kosong. Aku sepatutnya pulang dengan keluarga lengkap dan rasa bahagia. Ku peluk erat Ezza. Ku amati wajahnya sejenak. Ezza persis ibunya. Alisnya, bibirnya, hidungnya, matanya, semua mengingatkanku pada arwah. "Ezza, ini ayah. Terima kasih kerana sudah hadir menemani ayah. Ayah berjanji akan menjagamu sebagaimana ibumu mahu." Aku terpandang sebuah keratan surat di dalam bilik Ezza.

Bagaikan sudah tahu masanya akan tiba, rupa-rupanya Laila ada meninggalkan sepucuk surat. "Ke hadapan suamiku, Ezrail. Abang, maafkan Laila sekiranya abang menjumpai surat ini. Bila abang membaca surat ini, barangkali Laila tidak lagi ada di bumi ini. Bagaimanakah paras anak kita abang? Confirm cantik macam Laila kan abang? Abang, sekiranya umur Laila tidak panjang.. Jagalah Ezza, didiklah anak kita sebagaimana panduan Islam. Abang, teruskanlah hidup tanpa Laila di sisi kerana abang memerlukan seseorang yang mampu menemani abang sehingga akhir waktu abang. Abang, Laila minta maaf dari hujung kaki hingga hujung kepala dan tolol halalkan makan minum Laila sejak menjadi isteri abang.. Terima kasih abang, kerana membahagiakan Laila. Terima kasih abang, insyaAllah Laila tunggu abang di syurga. Abang, Laila tahu abang berasa sedih dan hancur dengan takdir kita yang satu ini. Tapi abang, abang mesti ingat, Allah tidak akan menduga kita di luar batas kemampuan kita. Abang, berdamailah dengan takdir dan mohon abang reda dengan perginya Laila. Abang, Laila tinggalkan abang dengan amanah yang kita nanti-nantikan. Laila harap, abang dapatlah menjaga amanah dan kurnia ini dengan sebaik mungkin. Allah merancang yang terbaik, abang. Jangan pernah menyalahkan takdir. Jangan pernah abang persoalkan kenapa Laila yang pergi dahulu. Abang, percaturan hidup kita sangat indah, tetapi bahagia ada kesudahannya abang. Terima kasih abang. Sayang abang. Cinta abang hingga syurga. Assalamualaikum." Aku berasa tertampar dengan surat peninggalan Laila. Aku tidak sepatutnya mempersoalkan takdir dan mungkin bukan doa sahaja yang dapat ku hadiahkan untuk Laila, tapi keikhlasanku untuknya di sana.

Surat itu ku genggam rapi sambil memegang pipi Ezza. "Ayah janji, Ezza. Ayah kehilangan isteri yang ayah cinta di dunia. Tetapi ayah percaya syurga telah menambah seorang lagi bidadari syurga sayang."



'Hadiah' untuk rakyat

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail, Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

TIDAK ada yang lebih berharga dan mengesankan bagi seorang rakyat apabila mendapat perhatian daripada seorang raja yang begitu pemedulian. Setentunya tidak ada kata-kata yang dapat diucapkan kecuali rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana negara ini diberkati dengan seorang pemimpin yang sangat dermawan.

Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap rakyat baginda memang sudah dimaklumi sejak awal pemerintahan baginda. Hasil didikan keprihatinan ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyerlahkan keperibadian serta sifat kepimpinan apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengutamakan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Tahun ini genaplah tahun yang ke-16 Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang bertujuan untuk membantu meringankan beban golongan-golongan tertentu di negara ini yang terdiri daripada Orang-orang Berkeperluan Khas (OBK), anak-anak yatim, orang fakir miskin, dan penerima Bantuan Kebajikan Bulanan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. Majlis Pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Pada tahun ini Kebawah DYMM berkenan mengurniakan

Kurnia Peribadi baginda kepada seramai 17,352 orang penerima di seluruh negara daripada golongan-golongan tertentu ini. Ribuan orang daripada golongan-golongan tertentu di negara ini telah *merasai* nikmat rezeki yang dikurniakan oleh Kebawah DYMM dan kurnia ini sangat membantu bagi mereka lebih-lebih lagi kita sudah hampir ke penghujung Ramadhan dan semakin mendekati Hari Raya.

Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini merupakan satu hadiah yang sangat bernilai bagi orang-orang yang sangat memerlukannya, sama ada untuk persiapan menyambut Hari Raya atau untuk kegunaan lain. Pengurniaan yang bermula pada Rabu jelas memperlihatkan keprihatinan Kebawah DYMM yang berterusan dalam memeduli hal ehwal golongan-golongan tertentu di negara ini agar mereka tidak tersisih daripada mendapat perhatian baginda apatah lagi negara tidak lama lagi akan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Setentunya, kita di bumi Darussalam ini amat bertuah dengan adanya seorang raja yang dermawan yang sentiasa memeduli kebajikan rakyat dan penduduknya dan kurnia baginda itu juga diberikan kepada mereka yang berlainan agama dan bangsa. Ini membuktikan sikap pemedulian baginda yang adil dan tidak mahu ada sebarang ketirisan dalam pembahagian Kurnia Peribadi baginda ini.

Bukan sesuatu yang mengejutkan mengenai Kurnia Peribadi Kebawah DYMM ini kerana rakyat sudah maklum akan sikap baginda yang sentiasa menjaga kebajikan rakyat di negara ini. Kebawah DYMM tanpa perlu protokol yang sentiasa mengiringi baginda tanpa segan silu menyantuni rakyat baginda dalam sebarang keadaan sama

ada dalam lawatan rasmi atau tidak rasmi. Tanpa kekok baginda beramah mesra sambil mengetahui keadaan yang dialami rakyat baginda. Oleh itu pengurniaan Kurnia Peribadi Kebawah DYMM kepada golongan-golongan tertentu di negara ini adalah sesuatu yang sangat istimewa daripada seorang raja kepada rakyat baginda yang mencerminkan sikap pemedulian dan keprihatinan baginda bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam khususnya dalam kalangan golongan yang memerlukan bantuan.

Wakil Meja Rencana, Pelita Brunei, berkesempatan menemu bual beberapa orang penerima Kurnia Peribadi Kebawah DYMM pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman. Dalam temu bual tersebut, Dayang Alya Farisha binti Ahmad, 15 tahun, yang menetap di Kampung Tungku sebagai penerima golongan anak yatim menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas Kurnia Peribadi baginda.

"Saya sangat bersyukur dan gembira atas kurnia yang telah diberikan. Ini bukan kali pertama saya menerima Kurnia Peribadi ini namun setiap penerimaan tetap menjadi satu penghormatan besar yang saya hargai dengan penuh rasa syukur. Dengan adanya kurnia ini, saya akan menggunakan dengan sebaik-baiknya terutama dalam membeli barang-barang keperluan sekolah dan juga menyimpan selebihnya untuk kegunaan di masa hadapan," ujarnya.

Sementara itu, bagi Awang Mohamad Zulkifli bin Hamdan, 29 tahun, penerima golongan OBK, turut melahirkan rasa syukur atas Kurnia Peribadi berkenaan.

"Hamba ingin menjunjung kasih kepada Kebawah DYMM dan bersyukur atas Kurnia Peribadi baginda. Ini merupakan kali kedua saya menerima kurnia ini dan akan membelanjakannya bagi perkara-perkara penting dan seterusnya menyimpan selebihnya untuk digunakan di kemudian hari," jelasnya.

Manakala, Dayang Nurfarsha Syahirah binti Mohammad Amirul, 15 tahun, menetap di Kampung Lambak Kiri,

penerima bantuan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat menzahirkan rasa junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas kurnia yang diberikan yang sekali gus dapat membantu beliau untuk membeli barang-barang keperluan sekolah dan juga membeli barang-barang persiapan menyambut Hari Raya yang bakal tiba.

Bagi salah seorang penerima golongan OBK, Awang Mohamad Zulfadhlil bin Haji Maidin, 37 tahun, berkata beliau amat bersyukur dan menjunjung kasih atas kurnia yang telah diberikan oleh Kebawah DYMM.

"Alhamdulillah, tahun ini merupakan kali ketiga saya menerima Kurnia Peribadi baginda. Dengan kurnia yang diberikan, saya akan menggunakan untuk membeli barang keperluan harian di samping juga dapat membantu perbelanjaan menjelang Hari Raya yang akan tiba nanti. Selain itu, saya juga akan menabungnya sedikit untuk keperluan di masa hadapan," katanya.

Dengan adanya Kurnia Peribadi Kebawah DYMM untuk golongan-golongan tertentu akan dapat meringankan beban bagi mereka yang memerlukan dan sekali gus mewujudkan sinar harapan untuk meraikan Sambutan Hari Raya yang bakal tiba dengan gembira. Alhamdulillah kurnia peribadi Kebawah DYMM ini setentunya akan menjadi ristaan kepada para penerima dan secara tidak langsung mencerminkan sifat kedermawanan, pemedulian serta menyerlahkan sisi baginda yang mengutamakan kesejahteraan rakyat.





ALPHABET LANGGAR PERATURAN DIGITAL EU

Alphabet, syarikat induk Google melanggar peraturan digital Kesatuan Eropah (EU), lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Siasatan mendapati syarikat itu memberi layanan lebih baik kepada perkhidmatannya sendiri berbanding pesaing, sekali gus gagal memastikan layanan yang telus, adil dan tanpa diskriminasi

BRUSSELS, 20 Mac. - Suruhanjaya Eropah pada Rabu menyatakan bahawa penemuan awal mereka menunjukkan

Parlimen Indonesia lulus pindaan undang-undang tentera di tengah protes

JAKARTA, 20 Mac. - Parlimen Indonesia meluluskan pindaan kontroversi terhadap Undang-Undang Tentera Nasional Indonesia (TNI) meskipun berdepan bantahan daripada kumpulan mahasiswa dan organisasi masyarakat civil.

Rang undang-undang itu diluluskan dalam sesi pleno pada Khamis yang dipengerusikan oleh Speaker Puan Maharani dan disiarkan secara langsung menerusi Parlimen TV.

Menurut Puan Maharani, pindaan itu memperkenalkan tiga perubahan utama termasuk memperluaskan peranan TNI dalam tugas bukan perang, meningkatkan kehadiran anggota tentera dalam kementerian, dan melanjutkan tempoh perkhidmatan tentera.

Antara pindaan paling hangat diperdebatkan ialah Perkara 7, yang memperluas skop operasi ketenteraan bukan tempur daripada 14 kepada 16 peranan, dengan penambahan pertahanan siber serta bantuan kepada warganegara di luar negara.

Perkara 47 pula meningkatkan bilangan kementerian yang boleh dianggotai oleh anggota tentera aktif daripada 10 kepada 14. Anggota juga boleh berada di selain kementerian berkenaan dengan syarat mereka perlu meletak jawatan atau bersara daripada perkhidmatan tentera terlebih dahulu.

Sementara itu, Perkara 53 melanjutkan tempoh perkhidmatan tentera berdasarkan pangkat, dengan kerajaan berhujah bahawa langkah ini menjamin keadilan dalam pasukan bersenjata.

"Kami, bersama kerajaan menegaskan bahawa pindaan ini tetap berlandaskan prinsip demokrasi, supremasi awam dan hak asasi manusia, sejarah dengan undang-undang nasional dan antarabangsa," kata Puan.

Menjelang sesi undian, lebih 5,000 anggota keselamatan dikerahkan ke Jakarta apabila para penunjuk perasaan berkumpul berhampiran kompleks Parlimen.

Ketua Polis Jakarta Pusat, Susatyo Purnomo Condro dalam satu kenyataan menegaskan bahawa anggota keselamatan diberi arahan untuk bertindak secara berperikemanusiaan dan tidak dibenarkan membawa senjata api.

Demonstrasi yang diketuai oleh Gabungan Badan Eksekutif Pelajar Indonesia (BEM SI) dan gabungan masyarakat civil menarik kira-kira 1,000 peserta.

Penunjuk perasaan mendakwa pindaan itu boleh mengembalikan fungsi dwifungsi tentera, satu ciri utama pemerintahan autoritarian Presiden Suharto, yang membolehkan angkatan tentera mempunyai kuasa politik dan pengaruh dalam sektor awam.

"Rang undang-undang ini mengancam supremasi awam. Kita tidak boleh membenarkan tentera kembali berpengaruh dalam politik," kata BEM SI dalam satu kenyataan.

Demonstrasi serupa juga dijangka berlangsung di seluruh negara, dengan para pengkritik memberi amaran bahawa pengukuhan peranan tentera dalam pentadbiran kerajaan boleh merencangkan reformasi demokrasi Indonesia. - ©BERNAMA

Angkasawan NASA yang terkandas selamat kembali ke bumi

LOS ANGELES, 19 Mac. - Dua angkasawan NASA, Suni Williams dan Butch Wilmore yang terkandas di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) sejak Jun tahun lalu, akhirnya selamat kembali ke bumi pada petang Selasa, lapor agensi berita Xinhua.

Mereka pulang bersama rakan sepasukan daripada Crew-9, iaitu angkasawan NASA Nick Hague dan angkasawan Roscosmos, Aleksandr Gorbunov dengan menaiki kapal angkasa Dragon milik SpaceX.

Menurut siaran langsung NASA, kapal angkasa itu mendarat di perairan luar pesisir Florida pada 5.57 petang waktu Timur (2157 GMT).

Williams dan Wilmore sebelum ini terkandas di angkasa akibat masalah teknikal pada kapal Starliner milik Boeing, yang membawa mereka ke ISS. - ©BERNAMA

terhadap perkhidmatan pihak ketiga, seperti yang dikehendaki di bawah Akta Pasaran Digital EU (DMA).

"Memastikan Alphabet mematuhi sepenuhnya DMA adalah penting bagi menjamin peluang perniagaan dan inovasi kepada semua penyedia perkhidmatan digital," kata Pesuruhjaya EU Untuk Kedaulatan Teknologi, Keselamatan Dan Demokrasi, Henna Virkkunen.

Walaupun suruhanjaya

mengakui bahawa Alphabet telah melaksanakan beberapa perubahan pada Carian Google, siasatan mendapati syarikat itu masih memberikan keutamaan kepada perkhidmatannya sendiri dalam bidang seperti membeli-belah dalam talian, tempahan hotel, keputusan sukan, dan pengangkutan.

Penemuan itu turut melibatkan Google Play Store, dengan Alphabet didakwa gagal memaklumkan pengguna mengenai pilihan alternatif yang

lebih murah, mengarahkan mereka kepada tawaran itu, serta membenarkan mereka membuat pembelian dengan mudah.

Bagaimanapun, penilaian awal itu bukan keputusan muktamad dan Alphabet masih boleh memberi respons balas kepada suruhanjaya sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Syarikat yang beroperasi di EU telah tertakluk kepada DMA sejak Mei 2023, dan peraturan itu kini telah dikuat kuasa hampir dua tahun. - ©BERNAMA

Deutsche Bank Jerman tutup cawangan, kurangkan 2,000 pekerja

FRANKFURT, 20 Mac. - Bank Jerman, Deutsche Bank merancang untuk menamatkan sekitar 2,000 pekerjaan tahun ini sebagai sebahagian daripada strategi lebih luas bagi menjimatkan kos, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Bank itu juga merancang untuk mengurangkan lagi jumlah cawangannya, meneruskan trend pengeciran operasi yang berlaku sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Bercakap di satu persidangan yang dianjurkan oleh Morgan Stanley, Ketua Pegawai Eksekutif Christian Sewing berkata bahawa penutupan cawangan akan melibatkan jumlah yang signifikan.

Sewing turut menjelaskan bahawa kos berkaitan pemberhentian pekerja telah diambil kira lebih awal.

Jurucakap bank mengesahkan bahawa langkah penutupan cawangan adalah sebahagian daripada rancangan yang telah diumumkan sebelum ini dan tiada program penjimatkan baharu diperkenalkan.

Deutsche Bank kini memberi tumpuan kepada perbankan digital, termasuk meningkatkan konsultasi melalui video dan telefon untuk pelanggan persendirian.

Pada September lalu, bank itu mengumumkan penutupan sejumlah kecil cawangannya, sambil berunding dengan majlis pekerja mengenai perubahan berkenaan.

Secara keseluruhan, Deutsche Bank memiliki sekitar 90,000 pekerja di seluruh dunia.

Di Jerman sahaja, ia mengendalikan sekitar 380

cawangan, manakala 470 cawangan lain dikendalikan oleh Postbank, anak syarikatnya.

Awal tahun ini, Sewing turut mengumumkan inisiatif penstrukturkan semula yang bertujuan meningkatkan kecekapan melalui hierarki lebih ringkas serta penggunaan kecerdasan buatan (AI).

Bank itu menjangkakan penstrukturkan semula itu akan meningkatkan pulangan ke atas ekuitinya, menasarkan angka lebih 10 peratus menjelang 2025, meningkat daripada 4.7 peratus tahun lepas.

Daripada segi prestasi kewangan, keuntungan sebelum cukai Deutsche Bank pada 2024 ialah 5.3 bilion (AS\$5.8 bilion) - tujuh peratus lebih rendah berbanding tahun sebelumnya. - ©BERNAMA

Dua lelaki didapati bersalah curi tandas emas bernilai £4.75 juta di Istana Blenheim

LONDON, 19 Mac. - Dua lelaki didapati bersalah mencuri tandas emas bernilai £4.75 juta (AS\$6.17 juta) dari Istana Blenheim di selatan England, lapor PA Media/dpa.

Tandas emas 18 karat yang berfungsi sepenuhnya itu merupakan karya seni ciptaan artis Itali, Maurizio Cattelan dan dipamerkan di rumah agam di Oxfordshire, tempat kelahiran Sir Winston Churchill, sebelum ia dilarikan pada awal pagi 14 September 2019.

Mahkamah diberitahu bahawa tandas unik itu dipercayai telah dipotong dan dijual dalam bentuk ketulan emas.

Juri pada Selasa mendapati

Michael Jones, 39, bersalah atas pertuduhan pecah masuk.

Jones, yang berasal dari Oxford, didakwa meninjau istana itu sebanyak dua kali sebelum kejadian.

Dalam keterangannya sebelum ini, Jones mengaku pernah menggunakan tandas emas itu sebelum ia dicuri.

Sementara itu, James Sheen, 40, dari Wellingborough, Northamptonshire mengaku bersalah atas pertuduhan pecah masuk, bersubahat memindahkan harta jenayah, serta satu pertuduhan berkaitan pemindahan harta jenayah dalam prosiding mahkamah pada April 2024.

Seorang lagi tertuduh, Frederick

Doe, 36, yang juga dikenali sebagai Frederick Sines, dari Winkfield, Windsor, Berkshire didapati bersalah atas tuduhan bersubahat memindahkan harta jenayah.

Mahkamah diberitahu bahawa Doe membantu Sheen menjual sebahagian daripada emas yang dicuri dalam beberapa minggu selepas kejadian.

Bagaimanapun, seorang lagi tertuduh, Bora Guccuk, 41, dari barat London dibebaskan daripada tuduhan sama.

Mahkamah menetapkan 19 Mei sebagai tarikh hukuman terhadap Doe, manakala tarikh hukuman bagi Jones dan Sheen akan diumumkan kemudian. - ©BERNAMA

Presiden Nigeria isytihar darurat di Rivers State

LAGOS (Nigeria), 19 Mac. - Presiden Nigeria Bola Tinubu mengisyitharkan darurat di Rivers State, wilayah kaya minyak, berikutan krisis politik berpanjangan dan kegagalan pentadbiran, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam ucapan khas kepada rakyat, Tinubu mengumumkan Gabenor Siminalayi Fubara, timbalannya, serta semua ahli Dewan Perwakilan digantung tugas bagi tempoh enam bulan.

"Laporan keselamatan terkini menunjukkan bahawa sejak semalam hingga hari ini, berlaku

insiden vandalisme terhadap saluran paip minyak oleh kumpulan pengganas, namun tiada tindakan diambil oleh gabenor untuk mengekangnya.

Saya mengarahkan pasukan keselamatan untuk memastikan keselamatan rakyat Rivers State serta infrastruktur minyak negara," katanya.

Keadaan di Rivers State dilaporkan tegang, dengan Fubara dituduh melakukan salah laku serius, termasuk membelanjakan dana awam serta menghalang Dewan Perwakilan negeri daripada menjalankan tugasnya.

Sebelum pengumuman Tinubu, dewan negeri mengumumkan penangguhan sesi tanpa tempoh tertentu, sekali gus menghalang Fubara daripada membentangkan bajet 2025.

Pengisyitharan darurat ini dibuat berdasarkan satu fasal dalam Perlembagaan yang mentafsirkan keadaan darurat sebagai situasi bahaya atau bencana nasional.

Presiden mencalonkan Laksamana Madya Ibokette Ibabs yang telah bersara sebagai pentadbir untuk menjaga hal ehwal negeri dalam tempoh enam bulan itu. - ©BERNAMA

PAKAR BERI AMARAN PENCAIRAN GLASIER ANCAM BEKALAN AIR TAWAR

GENEVA, 21 Mac. - Penyusutan glasier yang semakin ketara akan memberi kesan besar kepada kehidupan di bumi, lapor Agensi Berita Jerman (dpa), memetik kenyataan Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO).

Amaran itu dikeluarkan sempena Sambutan Hari Glasier Sedunia pada Jumaat, menekankan ancaman terhadap bekalan air tawar penting yang

diperlukan oleh berjuta-juta orang untuk minuman, pertanian dan industri.

Dalam tempoh 48 tahun sejak 1976, glasier di seluruh dunia telah kehilangan hampir 9,200 gigaton ais, menurut Perkhidmatan Pemantauan Glasier Sedunia (WGMS) di Universiti Zurich.

Satu gigaton bersamaan dengan satu bilion tan.

WMO turut melaporkan bahawa

pencairan glasier sejak 2000 telah menyumbang kepada peningkatan paras laut sebanyak 18 milimeter.

Pengarah WGMS, Michael Zemp menjelaskan bahawa bagi setiap satu milimeter peningkatan paras laut, sekitar 200,000 hingga 300,000 orang berdepan peningkatan risiko banjir.

Glasier, bersama-sama dengan lapisan ais Antartika dan

Greenland menyimpan 70 peratus sumber air tawar dunia.

"Pemeliharaan glasier bukan sekadar keperluan alam sekitar, ekonomi dan sosial. Ia adalah soal kelangsungan hidup," kata Setiausaha Agung WMO, Celeste Saulo.

WMO memaklumkan bahawa penyusutan glasier, yang sebelum ini terhad kepada kawasan tertentu



kini telah berlaku di semua 19 wilayah glasier di seluruh dunia dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

Glasier mengalami penyusutan lebih drastik dalam tempoh ini berbanding mana-mana tempoh tiga tahun lain sejak rekod bermula pada 1970-an. - ©BERNAMA

ICA nasihat tangguh perjalanan tidak penting di pintu sempadan darat Singapura

SINGAPURA, 21 Mac. - Pihak Berkasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan Singapura (ICA) menasihatkan pengembara supaya menangguhkan perjalanan yang tidak penting menerusi pusat pemeriksaan darat Woodlands dan Tuas hujung minggu ini berikut kesesakan lalu lintas yang sangat teruk di kedua-dua arah masuk dan keluar negara.

Menurut ICA, kesesakan lalu lintas bermula sejak awal cuti sekolah pada Mac dan diburukkan lagi oleh peningkatan monsun yang melanda Singapura.

"Hujan berterusan sejak dua hari lalu akibat peningkatan monsun turut menyumbang kepada kesesakan lalu lintas di pusat pemeriksaan darat.

Pemandu kenderaan dan motosikal terpaksa menunggu lebih dua jam untuk pemeriksaan Imigresen," menurut kenyataan ICA dalam satu hantaran di Facebook.

Bagi mereka yang masih ingin meneruskan perjalanan, ICA menasihatkan supaya bersedia menghadapi kelewatan serta memeriksa keadaan trafik sebelum mulakan perjalanan.

ICA turut mengingatkan pemandu untuk menggelakkkan memotong barisan, susulan beberapa laporan kemalangan jalan raya dalam tempoh dua hari lalu akibat penglihatan terhad ketika hujan lebat.

Hujan lebat melanda beberapa kawasan di Singapura pada 19 dan 20 Mac, menyebabkan kejadian banjir kilat di beberapa lokasi.

Monsun dijangka berlarutan hingga Jumaat, membawa hujan sederhana hingga lebat yang diramalkan meliputi seluruh negara. - ©BERNAMA

Gunung Lewotobi meletus, amaran dinaikkan ke tahap tertinggi

JAKARTA, 21 Mac. - Gunung Lewotobi yang terletak di wilayah Nusa Tenggara Timur, Indonesia meletus lewat malam Khamis dan berlanjut hingga pagi Jumaat, menyebabkan pihak berkuasa menaikkan status amaran ke tahap tertinggi.

Menurut laporan Xinhua, letusan itu menghamburkan abu setinggi 8,000 meter sebelum tengah malam Khamis, dengan asap kelabu kehitaman tersebar ke arah barat daya dan barat.

Pusat Vulkanologi dan Mitigasi Bencana Geologi menaikkan

status amaran gunung berapi itu ke tahap IV, iaitu tahap amaran tertinggi sejak Khamis.

Notis Pemerhatian Gunung Berapi untuk Penerbangan (VONA) juga dikeluarkan pada tahap merah, melarang pesawat daripada melakukan penerbangan di bawah ketinggian 6,000 meter di sekitar kawasan itu.

Pesawat juga dinasihatkan untuk berwaspada terhadap abu gunung berapi yang boleh mengganggu penerbangan.

Sejak Khamis, zon bahaya

telah diperluaskan dengan radius sekitar kawah meningkat daripada tujuh kepada lapan kilometer di bahagian barat daya dan barat laut, manakala kawasan lain diperluaskan daripada lima kepada tujuh kilometer.

Penduduk di kawasan terjejas juga disarankan memakai pelitup muka untuk melindungi diri daripada masalah berkaitan pernafasan. Gunung Lewotobi, dengan ketinggian 1,584 meter merupakan satu daripada 127 gunung berapi aktif di Indonesia. - ©BERNAMA

Tesla tarik balik Cybertruck akibat masalah trim

WASHINGTON, 21 Mac. - Tesla mengumumkan penarikan balik sebahagian besar model Cybertruck berikutan masalah trim luaran yang longgar, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) pada Khamis.

Komponen logam lebar di sekitar cermin depan dan bahagian atas pintu itu dipasang menggunakan pelekat, namun berisiko tertanggal.

Setakat ini, 151 pemilik

Cybertruck mengemukakan tuntutan waranti, menurut dokumen Pentadbiran Keselamatan Lalu Lintas Lebuhraya Kebangsaan AS (NHTSA).

"Panel yang tertanggal boleh menjadi bahaya di jalan raya dan meningkatkan risiko kemalangan," menurut amaran NHTSA.

Bagaimanapun, Tesla memaklumkan bahawa mereka belum menerima sebarang laporan kemalangan atau kecederaan

akibat kecacaian itu.

Memandangkan hampir semua Cybertruck berpotensi terjejas, penarikan balik itu juga mendedahkan angka pengeluaran, dengan Tesla menghasilkan hampir 46,100 unit Cybertruck dari November 2023 hingga Februari 2024.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tesla, Elon Musk sebelum ini menyasarkan pengeluaran sehingga 250,000 unit Cybertruck

setahun pada masa hadapan.

Sebagai langkah pembaikan, Tesla akan menggunakan skru untuk mengukuhkan trim - kaedah yang turut digunakan selepas insiden penutup hiasan pedal yang tertanggal dan berisiko menyebabkan pedal senget.

Ini penarikan semula kelapan untuk model Cybertruck. Beberapa

isu terdahulu, seperti kelewatan paparan kamera pandang belakang telah diperbaiki melalui kemas kini perisian.

Cybertruck merupakan usaha Tesla untuk menembusi pasaran trak pikap bersaiz besar di Amerika Syarikat, yang secara tradisional didominasi oleh kendaraan berkuasa petrol. - ©BERNAMA

Lembaran baharu hubungan India-Pakistan mungkin tercapai

NEW DELHI, 21 Mac. - Hubungan antara Pakistan dan India berpotensi memasuki era baharu meskipun dilanda pertikaian yang berlarutan sejak sekian lama, kata wakil tertinggi Pakistan di India.

Dalam seruan untuk meningkatkan kerjasama serantau, Kuasa Usaha Saad Ahmad Warraich menegaskan bahawa Asia Selatan perlu maju ke hadapan dengan keamanan yang stabil, keselamatan yang setara dan kemakmuran yang dikongsi bersama.

"Pakistan secara konsisten berusaha menjalin hubungan baik dengan negara lain berdasarkan prinsip kesaksamaan kedaulatan, saling menghormati dan hidup bersama secara aman. Pendekatan ini juga menjadi panduan dalam usaha kami membina hubungan damai dengan India," kata Warraich dalam ucapannya sempena majlis sambutan Hari Kebangsaan Pakistan di New Delhi pada Khamis.

"Apa yang diperlukan adalah semangat konstruktif - satu pendekatan yang mengutamakan usaha kolaboratif untuk mencari penyelesaian bersama dan bukan keputusan atau penyelesaian secara sepihak dengan paksaan. Jalan diplomasi kini lebih penting berbanding sebelumnya," katanya.

Menurut Warraich, hubungan Pakistan-India boleh memasuki fasa baharu dengan meningkatkan persefahaman, menangani keimbangan serantau, serta menyelesaikan pertikaian lama termasuk isu Jammu dan Kashmir. - ©BERNAMA

Lapangan Terbang Heathrow ditutup susulan kebakaran pencawang elektrik

ISTANBUL, 21 Mac. - Lapangan Terbang Heathrow di United Kingdom terpaksa ditutup selepas kebakaran berlaku di sebuah stesen janakuasa elektrik yang membekalkan tenaga ke kemudahan itu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam kenyataan di platform X, pihak pengurusan Heathrow memaklumkan bahawa penutupan akan dikuat kuasa sehingga 11.59 malam (waktu tempatan) 21 Mac demi memastikan keselamatan penumpang dan kakitangan.

Orang ramai dinasihatkan agar tidak ke lapangan terbang dan menghubungi syarikat penerbangan masing-masing untuk maklumat lanjut.

"Kami memohon maaf atas kesulitan yang berlaku," menurut kenyataan itu.

Heathrow adalah antara lapangan terbang paling sibuk di dunia, mengendalikan berjuta-juta penumpang setiap tahun.

Penutupan itu dijangka menyebabkan gangguan besar terhadap jadual penerbangan serta perjalanan penumpang. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



MEMPERKENALKAN SUKAN MEMANAH KEPADA AHLI PERPUSTAKAAN DBP



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 Mac. - Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi (PASMA) baru-baru ini menerima lawatan sambil belajar daripada 45 ahli perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Bandar Seri Begawan bersempena dengan cuti penggal pertama persekolahan yang diadakan di pusat berkeraan, di sini.

Pada lawatan berkeraan, turut diadakan

sesi Mari Bercerita (*Story Telling*) mengenai memanah dalam Islam dan kebaikannya yang disampaikan oleh Awangku Muhammad Khairul Hakimin bin Pengiran Abdul Manan dengan tajuk 'Peperangan Uhud'.

Sesi berkenaan juga diselajurkan dengan sesi belajar memanah bersama tenaga pengajar PASMA serta cara memanah dengan betul.

Selain itu, pelbagai pengetahuan turut dikongsikan yang menjurus kepada ciri keselamatan dan faedah dalam kesihatan.

Acara diakhiri dengan sesi lawatan ke ruang pendidikan, ruang gallery dan ruang aktiviti.

Aktiviti berkenaan bukan sahaja memberikan pengalaman baharu malahan juga memperkenalkan kepada ahli-ahli perpustakaan tentang sukan memanah yang merupakan suatu aktiviti yang bermanfaat dan menarik.

SUASANA lawatan sambil belajar daripada ahli-ahli perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan bersempena dengan cuti penggal pertama persekolahan yang diadakan di Pusat Akademi Sukan Memanah Ar-Rafi (atas kiri dan bawah kiri).

Jepun pasukan bukan tuan rumah pertama layak ke Piala Dunia selepas tewaskan Bahrain

SAITAMA (Jepun), 20 Mac. - Jepun menjadi pasukan bukan tuan rumah pertama layak ke Piala Dunia 2026 selepas menewaskan Bahrain 2-0 di laman sendiri menerusi jaringan Daichi Kamada dan Takefusa Kubo pada Khamis, sekali gus memastikan penampilan kelapan berturut-turut Jepun dalam kejohanan itu.

Kyodo News melaporkan bahawa pasukan Samurai Biru itu memperoleh kelayakan terpantas mereka, dengan baki tiga perlawanan, selepas enam kemenangan dan satu seri dalam aksi Kumpulan C. Ini memastikan mereka akan

menamatkan saingan dalam dua tempat teratas dan meraih tiket automatik ke pusingan akhir yang akan berlangsung di Kanada, Mexico dan Amerika Syarikat.

Skuad kendalian Hajime Moriyasu sebelum ini melalui kempen sukar dalam perjalanan ke Piala Dunia 2022 selepas tewas dalam dua daripada tiga perlawanan pertama di pusingan akhir kelayakan Asia. Namun, kali ini ceritanya berbeza apabila mereka melangkah ke pusingan akhir dengan kelebihan perbezaan jaringan 22 gol, hanya tercicir mata dalam keputusan seri 1-1 di laman sendiri menentang Australia pada Oktober. - ©BERNAMA

Aaron-Wooi Yik sah beraksi di BAC April ini

KUALA LUMPUR, 21 Mac. - Ketua jurulatih beregu lelaki negara, Herry Iman Pierngadi mengesahkan bahawa gandingan Aaron Chia-Soh Wooi Yik bakal menyertai Kejohanan Badminton Asia (BAC) yang akan berlangsung di Ningbo, China pada 8 hingga 13 April.

Beliau berkata Aaron hanya mengalami kecederaan ringan serta tidak memerlukan masa rehat yang panjang dan pasangan itu kini sedang membuat persediaan ke kejohanan itu.

"Aaron belum 100 peratus sembah, tapi dipantau rapi dan keadaan dia sudah okay berbanding ketika di Masters Orleans dan Seluruh England, tak perlu pembedahan,

hanya rawatan biasa.

BAC boleh main, sepatutnya boleh perbaiki kelemahan yang ada," katanya kepada pemberita selepas sesi latihan skuad negara di Akademi Badminton Malaysia (ABM) di sini hari ini.

Aaron mengalami kecederaan bahu, menyebabkan gandingan itu tersingkir seawal pusingan pertama di Seluruh England selepas tewas 16-21, 21-16, 18-21 kepada beregu Denmark, Rasmus Kjaer-Frederik Sogaard.

Baru-baru ini, media melaporkan pasangan nombor enam dunia itu mungkin tidak beraksi pada BAC. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

WIG berwarna putih yang dipakai oleh Speaker di setiap Musim Permesyuaratan yang bermula pada tahun 1965 hingga 1983, tetapi mulai tahun 2004 wig ini telah pun ditukarkan kepada songkok Melayu yang berhias dengan hiasan yang khas. Songkok ini dililit di sekelilingnya dengan hiasan tenunan Bunga Paku-Paku, Tadas, Bunga Akar Linggayong, Belah Rotan dan dihiasi juga dengan Logo Majlis Mesyuarat Negara. Ukuran lebar hiasan tenunan ialah 3.8 sentimeter.

SUMBER : Susur galur Majlis-Majlis Mesyuarat Negara

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERASUAH : IBADAH SEMBAHYANG, DOANYA TIDAK DITERIMA OLEH ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA